

BULETIN KPKT



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
BIL 2/2015



PENGASINGAN SISA PEPEJAL MULAI 1 SEPTEMBER 2015



PM UMUM TUBUH
PERBADANAN UNTUK
SELENGGARA PPR
Muka surat 8



PENYERAHAN PROJEK
TP1M DI KOTA TINGGI

Muka surat 11



ISSN 1394-0538

9 771394 053002

SIDANG REDAKSI

Penasihat

YBhg. Datuk Haji Mohammad bin Mentek
Ketua Setiausaha

Ketua Editor

Norhayati binti Abd Manaf
Ketua Unit Komunikasi Korporat

Penolong Ketua Editor

Rosyila binti Abdul Latif
Pegawai Perhubungan Awam

Noraidah binti Mohd Noor
Penolong Pegawai Perhubungan Awam

Sidang Pengarang

Jabatan Perumahan Negara
Jabatan Kerajaan Tempatan
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Jabatan Landskap Negara
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)
Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata
Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan
dan Kerajaan Tempatan
Bahagian Undang-Undang
Bahagian Dasar dan Inspektorat
Bahagian Kewangan dan Perolehan
Bahagian Akaun
Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek
Bahagian Khidmat Pengurusan
Bahagian Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadaai
Bahagian Kesejahteraan Bandar
Bahagian Perkhidmatan Perbandaran
Bahagian Sumber Manusia
Bahagian Teknologi Maklumat
Bahagian Audit Dalam
Unit KPI
Unit Integriti

Fotografi

Ahmad Marzuki bin Othman
Nadila binti Nordin
Shah Zanizam bin Shamsudin

Penerbit

Unit Komunikasi Korporat

Editor Buletin KPKT amat menghargai sumbangan artikel daripada
warga KPKT. Artikel berkenaan hendaklah dikemukakan kepada:

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Aras 2, No. 51 Persiaran Perdana,

Presint 4, 62100 Putrajaya

Tel : (603) 8891 5556

Faks : (603) 8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my

Portal : www.kpkt.gov.my

Facebook : www.facebook.com/KPKTMalaysia

Twitter : www.twitter.com/kpkt_gov

Tinta Pena

Sidang Redaksi



Assalamualaikum dan Salam Sehati Sejiwa,

Syukur ke hadrat Illahi, dengan rahmat dan limpah kasih sayang-Nya, kita masih diberi peluang meraikan pelbagai peristiwa penting dan istimewa sepanjang bulan Jun hingga September 2015 dalam keadaan aman, makmur dan sejahtera. Sepanjang tiga (3) bulan ini, rakyat Malaysia meraikan kedatangan Ramadhan 1436H, kemudiannya, Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1436H, diikuti dengan Sambutan Hari Kemerdekaan yang ke-58, seterusnya, Sambutan Hari Malaysia dan diakhiri dengan Hari Raya Aidiladha 1436H. Kita juga merasai debaran pembentangan Bajet 2016 yang akan dibentangkan oleh YAB Menteri Kewangan dalam sesi mesyuarat ketiga parlimen pada bulan Oktober nanti.

Dalam masa yang sama, Rakyat Malaysia juga berduka cita dengan tragedi gempa bumi yang melanda Sabah pada 5 Jun. KPKT melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) merupakan salah satu agensi yang terlibat secara langsung dalam usaha mencari, menyelamatkan dan membantu mangsa yang masih hilang. Rakyat Malaysia juga dirundung duka dengan insiden kren runtuh di Tanah Suci Mekah pada 11 September yang telah mengorbankan tujuh (7) orang jemaah haji dari Malaysia. Sidang redaksi mewakili semua warga kerja KPKT mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa yang terlibat dalam tragedi ini dan berharap keluarga mangsa tabah dan cekal dalam mengharungi dugaan ini.

Di kesempatan ini, sidang redaksi dan seluruh warga KPKT ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan kehadiran YAB Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri yang baharu. Kami juga merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada YAB Tan Sri Muhyiddin bin Yassin, mantan Timbalan Perdana Menteri atas segala sumbangan dan sokongan yang diberikan kepada KPKT, khasnya dan atas segala jasa dan bakti kepada negara, amnya.

Sidang redaksi juga mengambil kesempatan ini, menyeru semua warga KPKT untuk menghayati tema kemerdekaan #Sehatisejiwa yang mencerminkan hasrat Kerajaan untuk melihat seluruh rakyat Malaysia bersatu padu tanpa mengira latar belakang, ras dan gender. Tema ini membawa satu mesej yang jelas iaitu perpaduan, kehidupan aman dan hormani serta budaya hormat-menghormati antara satu sama lain dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum dan bangsa demi menjana kecemerlangan dan kesejahteraan negara. Diharapkan, tema kemerdekaan kali ini dapat membangkitkan semangat kerjasama dan kesepaduan dalam kalangan warga KPKT dan menjadi pendorong untuk menyumbang kepada rakyat dan negara untuk esok yang lebih gemilang.

Sekian, buat kali ini. Selamat membaca.

Wassalam.

Sidang Redaksi

Buletin KPKT Bil 2/2015

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan



RUMAH MAMPU MILIK: PESANAN YB MENTERI KEPADA PEMAJU

Coretan:
YB DATUK ABDUL RAHMAN BIN DAHLAN
Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan
Kerajaan Tempatan
18 September 2015

Bajet 2016 akan dibentangkan oleh YAB Menteri Kewangan dalam sesi mesyuarat ketiga parlimen pada bulan Oktober akan datang.

Sudah tentu saya seperti juga saudara semua, mengharapkan agenda perumahan mampu milik akan menjadi salah satu agenda utama bajet tersebut. Kementerian saya telah mengusulkan kepada Kementerian Kewangan supaya lebih banyak peruntukan diberikan kepada pembinaan Projek Perumahan Rakyat (PPR), Program *MyHome*, Program Rumah Transit dan program penyelenggaraan rumah kos rendah.

Kita sedia maklum bahawa kerajaan sedang berdepan dengan cabaran kewangan dalam keadaan ekonomi negara yang tidak menentu. Namun, pakar-pakar ekonomi bersetuju bahawa industri pembinaan perumahan adalah salah satu industri yang dapat menjana aktiviti ekonomi dengan pantas kerana lebih 120 industri sampingan akan mendapat faedah dari sektor pembinaan ini.

Contohnya, arkitek, jurutera, perkhidmatan guaman, perniagaan bahan binaan, perniagaan perabot rumah, perniagaan barangan elektrik dan lain-lain akan mendapat tempias secara langsung dari sektor pembinaan yang dinamik dan mampan. Sebab itulah saya berpendapat bahawa perbelanjaan bajet dalam sektor pembinaan perumahan mampu mengerakkan ekonomi negara dengan lebih cepat dan berkesan terutamanya dalam masa ekonomi yang kurang memberangsangkan.

Terlanjur bercerita mengenai isu perumahan ini, saya ada dua (2) pesanan kepada pemaju perumahan di negara ini agar kita mampu menangani fenomena isu harga rumah yang tinggi di negara ini.

Pertama sekali, saya melihat sejak beberapa tahun kebelakangan ini, pemaju perumahan lebih gemar membina rumah berharga tinggi untuk memenuhi permintaan mereka yang membeli rumah untuk tujuan pelaburan dan spekulasi. Saya faham bahawa keuntungan dari penjualan rumah berharga tinggi amat lumayan tetapi pemaju perumahan juga harus faham bahawa mereka mempunyai tanggungjawab sosial untuk membantu rakyat Malaysia mendapat akses kepada perumahan mampu milik.

Saya pernah mengingatkan pemaju-pemaju perumahan sebelum ini bahawa permintaan atau "demand" dari pelabur dan spekulator adalah tidak stabil, tidak mampan dan mempunyai risiko yang tinggi. Bila keadaan ekonomi dunia masuk dalam fasa yang mencabar seperti sekarang ini, tindakan pertama yang akan diambil oleh pelabur dan spekulator ialah melengahkan atau membatalkan keputusan membeli rumah untuk tujuan pelaburan dan spekulasi.



Keputusan ini senang dibuat kerana mereka membeli rumah bukan untuk didiami oleh mereka tetapi untuk tujuan mendapatkan keuntungan pelaburan.

Bila ini berlaku, pemaju perumahan akan berdepan dengan risiko perniagaan yang tinggi kerana permintaan terhadap rumah berharga tinggi yang mereka bina itu akan berkurangan dengan drastiknya. Pemaju perumahan perlu faham bahawa permintaan perumahan untuk tujuan pelaburan dan spekulasi adalah "permintaan yang tidak mampan" (*unsustainable demand*) dan tidak harus dijadikan agenda utama pemaju perumahan di negara ini.

Sebelum ini pun saya pernah menegur pelabur dan spekulator supaya mereka tidak "mengusik" industri perumahan. Kalau mereka mahu keuntungan dari pelaburan mereka, mereka sepatutnya melabur wang mereka dalam pasaran saham atau bon, bukannya melabur dalam industri perumahan.

Saya tidak mahu industri perumahan diganggu oleh mereka kerana kewujudan mereka hanya akan merangsang pemaju perumahan untuk membina rumah berharga tinggi sekali gus meniadakan peluang pembeli rumah yang asli dan sah untuk membeli rumah pada harga yang lebih munasabah. Sekarang ini, pemaju perumahan berlumba-lumba membina rumah berharga tinggi untuk memenuhi cita rasa dan permintaan pelabur dan spekulator tersebut. Mereka seolah-olah terlupa bahawa permintaan yang benar benar mendesak ialah rumah yang berharga sederhana dan rendah.

Perkara kedua yang saya ingin kongsi di sini ialah berkenaan kegemaran pemaju perumahan untuk membangunkan perumahan berkonsepkan "gaya hidup" atau "*lifestyle*". Kalau kita membaca surat khabar, kita sering membaca iklan perumahan yang menjanjikan kehidupan moden dan canggih, siap dengan infiniti *swimming pool*, gelanggang tenis, jakuzi, gimnasium, reka bentuk rumah yang kompleks serta landskap dan tasik yang besar dan cantik. Malah, nama projek perumahan mereka pun



kadang-kadang menggunakan Bahasa Inggeris untuk menggambarkan gaya hidup orang barat yang kononnya lebih sofistikated dan bertamadun.

Saya mengakui bahawa semua ini adalah hak setiap pemaju perumahan. Namun, tidak boleh dinafikan bahawa membina rumah dengan spek yang terlalu tinggi (*overspec*) akan menjadikan harga rumah tersebut juga melambung tinggi kerana sudah tentu harga rumah tersebut akan mengambil kira kos landskap termasuk pokok-pokok yang mahal dan kos membina tasik termasuk angsa yang berenang atas tasik tersebut! Bayangkan kos yang terpaksa dibayar untuk menyelenggara "gaya hidup" ini!

Saya sering menggeleng kepala kerana nampaknya pemaju perumahan tidak memahami tuntutan kebanyakan rakyat Malaysia. Pemaju perumahan nampaknya lebih ghairah dan terjebak dengan fenomena "menjual rumah dengan gaya hidup", walhal apa yang negara ini perlukan ialah konsep perumahan dengan reka bentuk yang mudah, harga yang mampu milik dengan kos penyelenggaraan yang murah.

Saya tidak bermaksud permintaan terhadap rumah yang menjanjikan gaya hidup moden dan canggih diketepikan sepenuhnya oleh pemaju perumahan. Saya cuma ingin mengingatkan bahawa pemaju perumahan perlu peka kepada apa yang rakyat Malaysia inginkan dan bukannya hanya melihat kepada keuntungan besar semata-mata.

Majoriti rakyat Malaysia mahu membeli rumah untuk mereka diami bukannya untuk tujuan pelaburan dan spekulasi. Mereka mahu rumah yang selesa dan sesuai dengan harga yang berpatutan supaya keluarga mereka boleh berbangga bernaung di bawah bumbung rumah milik mereka sendiri. Itulah keutamaan mereka, bukannya taman perumahan yang terlalu canggih dan mahal dengan gaya hidup ala-barat yang membebankan.

Saya harap pemaju perumahan dapat mempertimbang dua (2) perkara ini dengan serius. Ini bukan isu baharu malah ianya telah lama dibincangkan oleh rakyat Malaysia.



#Asingkan



WAJIB ASINGKAN SISA PEPEJAL DI SUMBER MULAI 1 SEPTEMBER 2015

Mulai 1 September 2015, semua premis perumahan di bawah Akta 672 diwajibkan untuk mengasingkan sisa pepejal sebagai satu langkah untuk menggalakkan lagi amalan kitar semula di Malaysia. Tujuan pengasingan sisa pepejal difokuskan pada premis perumahan adalah kerana 33,100 tan sisa pepejal yang dijana setiap hari adalah berpunca dari rumah.

Pelaksanaan pengasingan sisa pepejal di punca ini akan dijalankan secara berperingkat. Pada peringkat awal pelaksanaan ini hingga 1 Jun 2016, Kerajaan akan memberikan tumpuan kepada proses pembelajaran dan isi rumah yang gagal mengasingkan sisa pepejal mereka akan diberikan notis dan nasihat oleh anggota-anggota penguatkuasa Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp).

Tindakan kompaun hanya akan dibuat setelah semua maklumat pengasingan sisa pepejal di punca tersebar luas, masa yang optimum telah diberi untuk mempraktikkan proses ini, dan proses *engagement* dengan masyarakat telah dilakukan dengan intensif. Mulai 1 Jun 2016, kompaun sebanyak RM50 akan dikenakan untuk kesalahan pertama dan jumlah tersebut akan meningkat sejajar dengan kadar kesalahan yang dilakukan.

Kerajaan berharap amalan pengasingan sisa di punca ini mampu menambahkan tahap kitar semula negara. Kadar kitar semula nasional masih rendah di paras 15 peratus pada tahun 2014, masih jauh jika dibandingkan dengan Eropah dan Jepun. Namun, Kerajaan percaya dengan sokongan dan kerjasama rakyat Malaysia kita mampu mencapai tahap 20 peratus kitar semula menjelang tahun 2020.

Bagi orang ramai yang masih keliru dan kurang faham berhubung pelaksanaan pengasingan sisa pepejal di sumber, mereka boleh mendapatkan maklumat lanjut di laman web KPPT atau melalui Facebook dan Twitter dengan mencari hashtag #asingkan dan #keepitseparated.

**33,100 tan
sisa pepejal yang
dijana setiap hari
adalah berpunca
dari rumah**

“



Hari ini 1 September 2015, bermulalah program penguatkuasaan pengasingan sisa pepejal di punca melibatkan negeri-negeri yang menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 atau Akta 672; iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, WP Putrajaya, Pahang, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perlis dan Kedah.

Program pengasingan sisa pepejal di punca dapat mengurangkan jumlah sisa pepejal yang dihantar ke tapak pelupusan, dan membantu meningkatkan jangka hayatnya. Program seperti ini mampu memelihara alam semula jadi sekaligus mengurangkan kadar pencemaran.

Bagi membawa Malaysia ke arah sebuah negara yang membangun, saya ingin mengajak seluruh rakyat Malaysia untuk membudayakan amalan kebersihan dan mengubah gaya hidup kita untuk lebih cintakan alam sekitar. Buatlah demi masa depan anak-anak kita.

Bersempena dengan pelancaran program ini juga, satu kempen kesedaran “1 Million Bottles One Dream” dilaksanakan untuk memberi gambaran yang jelas betapa pentingnya pelaksanaan pengasingan sisa pepejal di punca, dan seterusnya dapat mentransformasi kesedaran masyarakat untuk membudayakan amalan kitar semula.

YB DATUK ABDUL RAHMAN BIN DAHLAN
Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
1 September 2015

”

KEMPEN 1 MILLION BOTTLES ONE DREAM SIMBOLIK PENGUATKUASAAN PENGASINGAN SISA PEPEJAL DARIPADA SUMBER

Sebagai usaha mengajak rakyat Malaysia bersama-sama membudayakan kitar semula, KPPT melalui SWCorp menganjurkan kempen “1 Million Bottles One Dream” (1MBOD) yang merupakan simbolik kepada pelaksanaan penguatkuasaan pengasingan sisa pepejal daripada sumber pada 1 September 2015.

Dengan pendekatan satu (1) rumah satu (1) unit botol plastik, ini secara tidak langsung menzahirkan inisiatif masyarakat untuk memelihara bumi dan menyelamatkannya daripada kebinasaan.

Hasil jualan kepada vendor dilantik menerusi pengumpulan botol dengan saiz minimum 300 mililiter ke 1.5 liter sebanyak satu (1) juta unit ini, sebanyak 60 peratus akan disalurkan kepada Persatuan Mata Hati Malaysia dan selebihnya kepada Majlis Kanser Nasional.

Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), sekolah-sekolah di kawasan Lembah Klang, Persatuan Hotel Malaysia, persatuan-persatuan bola sepak negeri, Persatuan Pengilang Malaysia turut bekerjasama menyumbang botol-botol untuk menjayakan kempen ini.

FAKTA

Botol air plastik mengambil masa lebih 1,000 tahun untuk dilupuskan secara semulajadi dan jika dibakar akan menghasilkan bahan toksik

SOAL JAWAB BERSAMA YB MENTERI: PENGASINGAN SISA DI PUNCA

(Disunting daripada artikel Berita Harian bertarikh 31 Ogos 2015, temu bual bersama YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

S: Penjelasan ringkas mengenai langkah pengasingan sisa pepejal di punca atau di rumah yang akan bermula 1 September 2015.

J: Pengasingan sisa pepejal merupakan proses mengasingkan sisa pepejal yang dihasilkan di rumah mengikut komposisi sisa pepejal seperti kertas, plastik dan lain-lain seperti kaca, seramik, aluminium, besi, logam, sisa elektronik dan bahan fabrik. Ini juga membabitkan bahan berasaskan getah, kulit dan sisa berbahaya serta sisa kebun atau taman, sisa pukal, sisa makanan, lampin pakai buang dan sisa lain yang kotor dan tercemar. Secara mudahnya, sisa pepejal ini hendaklah diasingkan kepada sisa yang boleh dikitar semula dan sisa baki iaitu sisa yang akan dihantar ke tapak pelupusan sampah. Contohnya kategori kertas merujuk kepada bahan seperti akhbar lama, majalah, buku, komik, katalog, poskad. Bahan plastik seperti botol minuman, botol jus, botol mineral, bekas sabun dan sebagainya.

S: Adakah kaedah kutipan ini akan berdasarkan sistem 2+1?

J: Kutipan sisa pepejal yang sudah diasingkan seperti kertas dan plastik atau bahan kitar semula akan dijalankan seminggu sekali. Bagi sisa baki, kutipan akan dibuat dua (2) kali seminggu. Semua kerja ini akan dilakukan syarikat konsesi yang dilantik oleh Kerajaan.

S: Bagaimana dengan penggunaan plastik untuk mengasingkan sisa ini? Adakah orang ramai akan dibekalkan plastik khas?

J: Orang ramai dikehendaki menyediakan sendiri apa-apa bekas yang bersesuaian atau plastik sampah untuk mengasingkan sisa pepejal. Namun, mereka digalakkan menggunakan plastik sampah berwarna biru untuk sisa kertas; plastik sampah berwarna putih untuk sisa plastik dan plastik sampah berwarna hijau untuk bahan kitar semula yang lain.

S: Rakyat sudah biasa dengan amalan meletakkan semua sampah atau sisa pepejal ke dalam satu tong. Ini tentunya cabaran besar mengubah amalan yang sudah dianggap selesai. Apa komen YB Menteri?

J: Kita akui mempunyai cabaran besar dalam menguruskan sisa pepejal. Di negara membangun dan maju, kadar kitar semula sangat tinggi kerana rakyatnya merasakan itu tanggungjawab mereka menjaga sumber alam dan ini adalah cara menguruskan pembaziran. Dalam kehidupan moden, kadar pembaziran begitu mendadak tinggi, jadi kena ada kaedah baharu untuk mengurangkannya. Di negara maju, tahap kesedaran rakyat mereka agak tinggi berbanding di negara membangun kerana belum ada sesuatu yang boleh dibandingkan dalam perkara ini. Kadar kitar



semula di Malaysia dianggarkan 10 hingga 11 peratus sahaja dan kita menasarkannya sekurang-kurangnya 22 peratus menjelang tahun 2020. Ini merupakan cabaran besar kerana perlukan anjakan minda kerana apabila melaksanakan kitar semula, ini adalah peradaban baharu. Hal ini bukan senang kerana masyarakat sudah biasa dengan amalan melonggokkan semua jenis sampah ke dalam satu (1) tong. Kita telah memutuskan pada tahun lalu untuk membuat kutipan berasaskan konsep 2+1 iaitu dua (2) kali kutipan sisa basah dan sekali sisa kitar semula, tetapi tidak wajib diasingkan. Apabila tidak diasingkan antara botol plastik, kaca, kertas atau sisa dapur, ianya memerlukan satu proses khas di tempat pelupusan sampah dan akan meningkatkan kos kerana pengurusan di tapak pelupusan akan mengenakan caj tambahan. Jadi, lebih baik rakyat yang mengasingkan sampah di punca kerana jika dibuat di tapak pelupusan, kos tersebut terpaksa ditanggung oleh Kerajaan. Jika dilakukan di kawasan masing-masing, apabila sampai ke pusat pelupusan, sampah lebih senang dilupuskan. Hal ini juga akan memberi kesedaran kepada peringkat isi rumah mengenai apa yang perlu dibuat. Apabila kita faham dan peka, kita akan tahu apa perlu dibuat.


S: Kenapa hanya negeri yang disenarai sahaja diwajibkan melaksanakan langkah pengasingan sisa pepejal ini? Kenapa sistem itu tidak dilaksanakan di seluruh negara?

J: Ini adalah merujuk kepada negeri Pahang, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perlis, Kedah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya kerana menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) walaupun sepatutnya dijalankan di seluruh Semenanjung. Ianya hanya boleh dilaksanakan jika Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Akta 672 ini.

S: Bagaimana dengan maklum balas yang diterima setakat ini dan adakah Kementerian yakin inisiatif ini mampu mencapai sasaran ditetapkan?

J: Maklum balas setakat ini memang positif dan ini membuktikan pemikiran rakyat semakin matang dan peka.

54,000KG BARANGAN KITAR SEMULA DIKUTIP DALAM TEMPOH 3 MINGGU



Kira-kira 54,000 kilogram barangan kitar semula dikutip di tujuh (7) negeri dalam tempoh tiga (3) minggu pelaksanaan pengasingan sisa pepejal di punca.

Jumlah kutipan itu merupakan satu indikator bahawa kebanyakan isi rumah di tujuh (7) negeri ini menerima baik dan menjalankan pengasingan sisa pepejal di punca yang dikuatkuasakan pada 1 September.

Notis amaran juga dikeluarkan kepada penduduk di Kuala Lumpur, Pahang, Melaka dan Johor. Sehubungan dengan itu, KPKT menggesa isi rumah terbabit untuk menjalankan pengasingan sisa pepejal di punca bagi mengelakkan daripada menerima notis amaran dan juga kompaun yang akan bermula 1 Jun 2016.

KPKT memandang serius pelaksanaan Akta 672 ini dan sedang menjalankan kempen berterusan untuk memastikan isi rumah yang terlibat dengan pelaksanaan ini mendapat maklumat secukupnya bagi membantu memudahkan mereka menjalankan pengasingan sisa pepejal di punca ini dan sehingga September 2015, sebanyak 1.9 juta risalah telah diedarkan di pelbagai lokasi di tujuh (7) negeri yang terlibat.



PENGUATKUASAAN AKTA PENGURUSAN STRATA 2013 (AKTA 757)

Skim strata merupakan suatu pembangunan hartanah yang membahagikan bangunan atau tanah kepada petak-petak, petak aksesori dan harta bersama serta telah ditetapkan sistem pengurusan bagi skim tersebut. Contohnya rumah pangsa, kondominium, *townhouse*, rumah kedai, pejabat, pejabat kecil/pejabat rumah (SOHO), kompleks perniagaan dan rumah-rumah dalam skim komuniti berpagar.

Statistik terkini penduduk strata di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan merangkumi 15,731 dengan jumlah petak sebanyak 1,414,024 unit. Jumlah penduduk strata adalah lebih kurang 5.6 juta orang (19 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk di Malaysia).

Seiring dengan pembangunan berkonsepkan bangunan berstrata yang semakin banyak yang disebabkan oleh harga tanah yang semakin tinggi dan ruang tapak pembangunan tanah yang semakin terhad, Kerajaan melihat terdapatnya keperluan agar akta berkaitan strata dikuat kuasa.

Sehubungan dengan itu, Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) telah dikuat kuasa pada 1 Jun 2015 bagi menggantikan Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyelenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663). Akta 757 telah dibentangkan dan diluluskan di Parlimen pada November 2012 dan telah mendapat perkenan Yang Dipertuan Agong pada 5 Februari 2013 dan diwartakan pada 8 Februari 2013.

Akta ini digubal untuk memastikan keseragaman undang-undang dan dasar berkenaan Kerajaan Tempatan berhubung dengan pengurusan bangunan berstrata dan harta bersama, bermula dari peringkat penyerahan milikan kosong sehingga ke peringkat selepas perbadanan pengurusan diwujudkan.

Aspek-aspek Akta 757 yang ditambah baik

- Undang-undang yang lebih komprehensif;
- Pemfailan jadual petak kepada Pesuruhjaya Bangunan (COB);
- Jawatan Timbalan COB diwujudkan;
- Tribunal Pengurusan Strata (TPS) diwujudkan;
- Peruntukan penguatkuasaan komprehensif dan kadar penalti bagi setiap kesalahan dinaikkan;
- Penyediaan formula unit syer;
- Peruntukan berkenaan penubuhan perbadanan pengurusan subsidiari dan harta bersama terhad;
- Penyelarasan kaedah mesyuarat agung;
- Penyelarasan kaedah peralihan badan (Pemaju/JMB/MC);
- Penyeragaman kaedah-kaedah pelaksanaan;
- Peruntukan kutipan caj penyenggaraan daripada penyewa;
- Proviso Menteri untuk pengecualian;
- Prosedur khusus insuran bangunan; dan
- Mekanisma rayuan yang seragam

Pemeriksaan COB

Pemeriksaan COB dengan kewujudan Timbalan COB, 64 Unit Pesuruhjaya Bangunan di pihak berkuasa tempatan (PBT), dan seramai 112 orang pegawai adalah untuk memantapkan peranan dan tanggungjawab sebagai pihak yang mengawal selia dan menyelesaikan masalah-masalah yang dibangkitkan oleh penduduk bangunan bertingkat.

Pewujudan TPS

Berikutan penguatkuasaan Akta 757 dan penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Tribunal Pengurusan Strata) 2015 pada 1 Julai 2015, TPS diwujudkan bagi tujuan pemfailan kes bagi mendapatkan keputusan mutlak terhadap perkara yang dipertikaikan termasuklah terhadap segala nasihat dan pandangan yang telah diberikan oleh pihak Unit COB.

TPS merupakan forum alternatif untuk mendengar dan menentukan apa-apa tuntutan dan pertikaian mengenai pengurusan dan penyelenggaraan bangunan berstrata sepertimana yang diperuntukkan dalam Bahagian 1 Jadual Keempat, Akta 757.

TPS mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan menentukan apa-apa tuntutan yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Jadual Keempat, Akta 757 dan tuntutan hendaklah tidak melebihi RM250,000.00. Perkara yang boleh dibawa ke TPS antaranya pertikaian mengenai kos pembaikan, jumlah pengenaan caj dan pelaksanaan mesyuarat agung. Pendengaran kes di TPS diadili oleh Presiden yang dilantik oleh YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Impak Penguatkuasaan Akta 757

Dengan penguatkuasaan Akta 757, Kerajaan yakin ianya akan menyelesaikan banyak masalah terutama dari sudut penguatkuasaan pengurusan komuniti strata dan penyelenggaraan bangunan berstrata.

MEDIA LUNCHEON AKTA PENGURUSAN STRATA 757 BERSAMA YB TIMBALAN MENTERI



KPKT melalui Bahagian Perkhidmatan Perbandaran dengan kerjasama Unit Komunikasi Korporat telah menganjurkan *Media Luncheon* berhubung Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) bersama YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 8 Jun 2015 di Hotel Eastin, Petaling Jaya.



Tujuan utama *media luncheon* ini diadakan adalah untuk memberikan penerangan yang lebih jelas kepada pihak media berkaitan Akta 757 yang telah dikuatkuasakan pada 1 Jun 2015 yang mana secara umumnya akta ini akan membantu melindungi hak penduduk dan hak pesuruhjaya bangunan demi memastikan persekitaran penduduk terjaga. Di samping itu, majlis ini juga diadakan sebagai satu medium untuk menjalankan hubungan baik dengan para pengamal media tempatan.



PENYAMPAIAN WATIKAH PERLANTIKAN PRESIDEN TPPS

Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata (TPPS) telah menganjurkan Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Presiden Tribunal Pengurusan Strata yang disempurnakan oleh YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 9 Julai 2015. Majlis ini turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Haji Mohammad bin Mentek, Ketua Setiausaha KPKT serta pegawai-pegawai pengurusan tertinggi KPKT. Pada majlis tersebut, seramai 20 orang Presiden Tribunal Pengurusan Strata (TPS) yang dilantik di bawah Seksyen 103(1)(a)&(b) Akta 757 telah menerima watikah pelantikan daripada YB Menteri KPKT.



PENGUATKUASAAN PINDAAN AKTA PEMAJUAN PERUMAHAN (KAWALAN DAN PELESENAN) 1966 (AKTA 118)

Pindaan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) telah diwartakan berkuat kuasa 1 Jun 2015. Lanjutan daripada penguatkuasaan pindaan akta ini, Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) dan Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Akaun Pemajuan Perumahan) (Pindaan) 2015 akan dipinda melalui kuasa yang diberikan oleh Seksyen 24 Akta Pemajuan Perumahan [Kawalan dan Pelesenan] 1966 [Akta 118]. Pindaan-pindaan utama adalah seperti yang berikut:

1. Peraturan Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989

Di bawah Peraturan 4, sesuatu permohonan pembaharuan lesen pemaju perumahan hendaklah dibuat tidak lewat daripada 14 hari sebelum tarikh habis tempoh dan hendaklah dibuat oleh pemaju perumahan berlesen sehingga perakuan siap dan pematuhan diberikan atau diluluskan.

Di bawah Peraturan 8, subperaturan 1A dimasukkan iaitu apa-apa iklan yang dibuat oleh mana-mana pemaju perumahan berlesen tidak mengandungi:

- tawaran fi guaman percuma;
- pulangan keuntungan dan pendapatan sewaan yang diunjurkan;
- dakwaan berkenaan pemandangan panorama;
- tempoh perjalanan dari projek perumahan ke

destinasi terkenal; dan

- apa-apa butiran yang seseorang pemaju perumahan tidak boleh buktikan secara sah.

Pindaan kepada Jadual H dan J yang mana:

- Peraturan 27 : Cara Penyerahan Milikan Kosong; dan
- Peraturan 28 : Hak Milik Strata Belum Dikeluarkan dan Pemindahan Hak Milik menetapkan bahawa :-
 - penyerahan milikan kosong kepada pembeli perlu disertakan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan, Hak Milik Strata Berasingan termasuk penyiapan apa-apa perubahan atau kerja tambahan di bawah subfasal 15(2), jika ada.

Pindaan peraturan ini berkuatkuasa pada 1 Julai 2015.

2. Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Akaun Pemajuan Perumahan) 1991

Jumlah deposit yang perlu dibuat oleh pemaju berjumlah RM200,000 sebelum ini ditetapkan kepada suatu jumlah yang bersamaan dengan tiga (3) peratus daripada anggaran kos pembinaan seperti yang diperakui oleh arkitek yang bertanggungjawab bagi pemajuan perumahan itu. Pindaan Peraturan ini berkuat kuasa pada 2 Jun 2015.



Pindaan ini adalah untuk memastikan pemantauan dan pengawalan ke atas pemajuan perumahan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan memantapkan lagi tindakan penguatkuasaan bagi mengurangkan masalah pemajuan projek perumahan swasta.

Selain itu, isu berkaitan hak pembeli rumah di bawah perjanjian jual beli, peningkatan deposit lesen pemajuan perumahan termasuk pengeluaran hak milik strata semasa penyerahan hak milikan kosong bagi perumahan berstrata adalah selaras dengan pindaan Akta Hakmilik Strata (Akta 318) turut diambil kira dalam pindaan peraturan-peraturan yang berkaitan.



PERSIDANGAN KESIHATAN PERSEKITARAN PBT 2015 FOKUS MASA DEPAN GENERASI AKAN DATANG

Persidangan Kesihatan Persekitaran Pihak Berkuasa Tempatan Peringkat Kebangsaan bersempena dengan Hari Kesihatan Persekitaran Sedunia 2015 telah diadakan pada 8 dan 9 September 2015 bertempat di Dewan Konvensyen, Ujana Kewangan Labuan anjuran bersama Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) dan Perbadanan Labuan.

Persidangan yang bertemakan "Kanak-kanak adalah Masa Hadapan Kita, Bersama Kita Lindungi Persekitaran dan Kesihatan Mereka" telah dirasmikan oleh YBrs. Dr. AB Rahman bin Awang, Ketua Pengarah, JKT.

Sepanjang dua (2) hari persidangan, sebanyak 10 kertas telah dibentangkan dalam empat (4) sesi seperti yang berikut:



Tajuk Kertas	Pembentang
SESI 1 : Sanitari Bandar	
Pelan Tindakan Kebersihan Kebangsaan 2015-2020	En. Norddin bin Daud Bahagian Promosi Kesihatan, Kementerian
PBT di Hati Rakyat	En. Mohamad Haniff bin Hashim Bahagian Dasar, Jabatan Kerajaan Tempatan
SESI 2 : Kesihatan Awam	
Pembangunan Bandar Mampan ke Arah Persekitaran Sejahtera	Dr. Azmizam bin Abdul Rashid Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
Pengurusan Banjir	Dr. Rosli bin Mohamad Majlis Perbandaran Kemaman
SESI 3 : Kawalan Penyakit Dan Vektor	
Outdoor Residual Spray (ORS) Sebagai Pencegahan dan Kawalan Denggi	En. Topek bin Omar Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia
Kejadian Denggi di Kelantan 2014	Tn. Hj. Mustapha bin Ab Rahman Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
Epidemiology and Current Situation of Leptospirosis in Malaysia	Dr. Zainudin bin Abdul Wahab Kementerian Kesihatan Malaysia
SESI 4 : Pengurusan Kesihatan Persekitaran	
Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) dalam Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	En. Ismail bin Mokhtar Bahagian Kesejahteraan Bandar, KPKT
Pelan Transformasi Minda: Ke Arah Negara Bersih, Indah dan Sejahtera 2015 - 2020	En. Ishanuddin bin Hussain, Solid Waste Corporation Malaysia
Creating an Awareness Among Consumers to Minimize Municipal Solid Waste Gearing Towards Vision 2020 in Malaysia	Dr. Indrakaran T. Karthigesu, Universiti Putra Malaysia





YAB PERDANA MENTERI UMUM TUBUH PERBADANAN UNTUK SELENGGARA PPR

Mesyuarat Perumahan Negara yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Najib bin Tun Razak, Perdana Menteri pada 21 Ogos 2015 telah berlangsung di Putrajaya. Di samping menyaksikan perjanjian kemudahan penyambung antara Perbadanan Projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) dan Maybank, YAB Dato' Sri Najib juga telah mengumumkan tiga (3) keputusan penting yang boleh merancakkan lagi pembangunan rumah mampu milik untuk rakyat dalam mesyuarat kali ini.

i. Penubuhan Perbadanan Pengurusan Perumahan Awam Negara

YAB Dato' Seri Najib telah mengumumkan penubuhan Perbadanan Pengurusan Perumahan Awam Negara (3PAN) khusus untuk menyelenggara Projek Perumahan Rakyat (PPR). Penubuhan agensi itu juga akan memudahkan pembangunan semula dilaksanakan di kawasan PPR pada masa akan datang. 3PAN akan berkuat kuasa serta-merta, dan menggantikan fungsi majlis daerah dan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang sering menghadapi kekangan kewangan dalam mengurus dan menyelenggara PPR. 3PAN akan mengambil alih pengurusan dan penyelenggaraan kira-kira 101,000 unit rumah kos rendah dan rumah mampu milik yang dibina oleh pihak Kerajaan dan swasta. 3PAN akan menstandardkan peranan Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri dalam isu-isu perumahan.

ii. Pelaksanaan Peraturan dan Kaedah Baru Berhubung Skim MyHome

Kerajaan telah mengambil keputusan untuk melaksanakan peraturan dan kaedah baru berhubung Skim Rumah Mampu Milik Swasta, MyHome. Kerajaan akan menyediakan pendahuluan pemberian subsidi berjumlah RM30,000 dengan syarat pihak pemaju

menyediakan jaminan bon kepada Kerajaan. Sebelum ini, subsidi Kerajaan hanya diberikan selepas projek perumahan siap sepenuhnya dan pembelian telah ditandatangani. Keputusan untuk menyediakan pendahuluan subsidi ini akan memanfaatkan kedua-dua pembeli dan pemaju.

iii. Pelanjutan Tempoh Pelepasan Unit Rumah Kuota Bumiputera

Mesyuarat juga bersetuju supaya mekanisme pelepasan unit rumah kuota Bumiputera di pasaran ditambahkannya tempohnya selama tiga (3) bulan lagi. Selepas tamat tempoh khusus yang disediakan oleh kerajaan negeri, unit kuota Bumiputera akan diserahkan kepada KPKT untuk mendapatkan pembeli Bumiputera. Pihak Kementerian akan mencuba selama tiga (3) bulan untuk memadankan kesesuaian antara pembeli dan pemaju. Setelah tamat tempoh tiga (3) bulan ini dan masih gagal mendapatkan pembeli Bumiputera, barulah kuota tersebut akan dilepaskan kepada awam.

KPKT berharap melalui keputusan dan penambahbaikan ini, segala pembangunan perumahan yang dirancang untuk orang ramai akan dapat dilaksanakan mengikut jadual demi kesejahteraan rakyat.

Kementerian juga menyeru kepada rakyat agar tidak menisai-siakan kemudahan yang diberikan oleh pihak Kerajaan. Pelaksanaan Satu (1) Juta Rumah Mampu Milik (RMM) yang diumumkan pada tahun 2013 sedang mencapai sasaran yang mana pada bulan Jun 2015, sebanyak 734,544 unit (atau 64.5 peratus) merangkumi 189,545 unit (16.6 peratus) telah pun siap dibina, manakala 176,155 unit (15.5 peratus) sedang dalam pembinaan dan 349,984 unit (30.7 peratus) sedang dalam pelbagai peringkat perancangan.

PEMANSUHAN BAYARAN 10% CAJ PEMBAIKAN BERKAITAN KESELAMATAN KEPADA PENGHUNI PPR



Pada 5 September 2015, YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan telah mengadakan lawatan turun padang untuk meninjau Projek Perumahan Rakyat (PPR) Wangsa Sari di Wangsa Maju, Kuala Lumpur dan bertemu dengan Persatuan Penduduk dan penghuni-penghuni PPR berkenaan.

KPKT sedar bahawa penghuni-penghuni PPR sering berhadapan dengan pelbagai masalah kemudahan dan infrastruktur dan KPKT telah mengambil keputusan untuk menggerakkan beberapa langkah baharu untuk menyelesaikan permasalahan perumahan kos rendah.

Dasar terdahulu mewajibkan 10 peratus daripada jumlah pembaikan ditanggung oleh penduduk PPR dan selebihnya akan ditanggung oleh Kerajaan. Dasar ini dilaksanakan untuk melahirkan sifat tanggungjawab penduduk terhadap kawasan mereka. Namun, dasar ini dilihat tidak relevan dan perlu diperbaiki.

Sehubungan dengan itu, YB Datuk Abdul Rahman telah mengarahkan Ketua Setiausaha KPKT untuk tidak lagi mengenakan bayaran 10 peratus kepada penduduk PPR untuk membaiki perkara-perkara yang melibatkan keselamatan penduduk, umpamanya lif, penghadang dan pendawaian elektrik. 10 peratus ini akan hanya dikenakan kepada perkara-perkara kesejahteraan dan keceriaan seperti pembinaan dewan serbaguna, landskap, futsal, dan mengecat.

KPKT menyediakan peruntukan sebanyak RM140 juta setiap tahun bagi membaiki dan menyelenggara rumah-rumah kos rendah, dan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM1 juta untuk membaiki dan menukar dua (2) lif sedia ada di PPR Wangsa Sari. Dengan ini, diharap penduduk di PPR Wangsa Sari terutamanya warga tua dapat menggunakan kemudahan lif pada setiap lantai, bukannya satu (1) lif di setiap dua (2) lantai seperti sebelum ini.





MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SABAH LANCAR MYHOME 2 PANGSAPURI TIMBOK JAYA

YB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah telah menyempurnakan Majlis Pelancaran *MyHome 2* Pangsapuri Timbok Jaya di Dewan Seri Sulaiman, Tuaran, Sabah pada 15 Ogos 2015. Turut hadir semasa majlis ialah YBhg. Datuk Mohamad Yusoff Bin Ghazali, Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara (JPN).

Pangsapuri Timbok Jaya ini akan menyediakan enam (6) blok pangsapuri 11 tingkat dengan 1,200 unit rumah, yang dilengkapi dengan tiga (3) bilik dan dua (2) bilik air dengan keluasan minimum 879 kaki persegi setiap unit. Pangsapuri ini juga akan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti pusat jagaan kanak-kanak, perpustakaan, taman permainan, surau, Kedai 1Malaysia, gim, dan tempat letak kereta.

Projek ini akan dimajukan oleh Kinsanova Sdn. Bhd. Pembangunan projek ini merupakan kerjasama pemaju dengan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah dan Persatuan Pemaju Perumahan dan Hartanah Sabah (SHARED) dalam usaha menyediakan rumah mampu milik kepada rakyat.



MYHOME 2 TAMAN JENGA INDAH, JENGA DILANCAR

YB Dato' Wan Salman bin Wan Ismail, Ahli Undangan Negeri Jengka telah melancarkan Majlis Pelancaran *MyHome 2* Taman Jengka Indah Fasa II, Jengka, Pahang pada 13 Jun 2015. Hadir sama semasa pelancaran ialah YBhg. Dato' Dr. Tam Weng Wah, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan), KPKT.

Projek Skim *MyHome* bagi Taman Jengka Indah Fasa II telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemilihan Projek Skim *MyHome* pada 3 Disember 2014. Kelulusan yang diberikan adalah sebanyak 58



unit rumah teres satu (1) tingkat dengan keluasan minima 900 kaki persegi yang akan dimajukan oleh Pemaju Perumahan PUM Global Resources Sdn. Bhd.

Bagi Negeri Pahang, pihak Kementerian telah menerima permohonan untuk melaksanakan lima (5) projek Skim *MyHome* daripada lima (5) pemaju perumahan bagi membina sebanyak 1,127 unit rumah. Daripada permohonan pemaju perumahan ini, sebanyak empat (4) projek melibatkan empat (4) pemaju perumahan melibatkan 373 unit rumah telah diberikan kelulusan.

STATUS PERMOHONAN MYHOME

Sehingga awal September 2015, JPN telah menerima hampir 90,000 permohonan daripada pembeli yang berminat untuk memiliki rumah menerusi Skim *MyHome* sejak skim itu dilancarkan pada April 2014. Permohonan yang paling tinggi adalah daripada pembeli di Selangor, Johor Bahru, Pulau Pinang, Sabah, dan Sarawak.

JPN juga menerima 98 permohonan daripada syarikat pemaju bagi melaksanakan 108 projek membabitkan pembinaan 26,461 unit kediaman di seluruh negara. Setakat ini, KPKT telah memberikan kelulusan kepada 29 pemaju perumahan merangkumi 31 projek yang membabitkan sebanyak 10,000 unit rumah di seluruh negara di bawah skim *MyHome*.

Untuk maklumat lanjut, sila layari ehome.kpkt.gov.my



PROMOSI MYHOME

Dalam usaha mempromosikan; dan berkongsi maklumat mengenai Skim *MyHome* dengan orang awam, Team *MyHome*, Jabatan Perumahan Negara (JPN) telah menyertai pameran yang dianjurkan oleh pelbagai agensi, antaranya ialah:

- SHEDA *Property Expo* pada 25 hingga 27 September 2015 di Borneo Convention Centre Kucing (BCKK), Sarawak yang dianjurkan oleh Persatuan Pemaju Perumahan dan Hartanah Sarawak (SHEDA); dan
- Malaysia Property Expo* (MAPEX) pada 31 Julai hingga 2 Ogos 2015 di Pusat Konvensyen Sunway yang anjuran oleh Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA).



PROJEK MYHOME PERTAMA DI PERAK DILANCAR

YBrs. Puan Hajah Rohani binti Omar, Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Perumahan Negara telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Projek *MyHome* Seri Andaman Fasa 1, Bandar Universiti Seri Iskandar, Perak pada 8 Ogos 2015.

Projek Skim *MyHome* Seri Andaman Fasa 1 ini adalah projek yang pertama di Perak yang mana telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemilihan Projek Skim *MyHome* pada 19 Jun 2014. Kelulusan yang diberikan adalah untuk pemajuan sebanyak 186 unit rumah teres satu (1) tingkat dengan keluasan minima 850 kaki persegi oleh pemaju Hua Yang Bhd.

Projek Seri Andaman ini terletak dalam kawasan pembangunan dinamik Bandar Universiti Seri Iskandar (BUSI) di Perak yang kini sedang berkembang pesat di tanah seluas 314.44 hektar. Perumahan kediaman Seri Andaman terletak berhampiran dengan kemudahan bersepadu seperti restoran makanan segera, balai polis, pasar basah, terminal stesen bas, sekolah, bank dan pejabat-pejabat kerajaan.

KPKT menerima permohonan daripada 10 syarikat pemaju bagi melaksanakan projek Skim *MyHome* membabitkan 1,357 unit kediaman di Negeri Perak. Daripada jumlah itu, permohonan tiga (3) buah syarikat telah pun diluluskan bagi melaksanakan projek di Perak membabitkan 247 unit kediaman.



ISELAMAT.MY BANTU ORANG RAMAI DAPATKAN MAKLUMAT JENAYAH DENGAN MUDAH DAN PANTAS

Majlis Pelancaran Laman Web iSelamat.my telah disempurnakan oleh YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 25 Ogos 2015 bertempat di Hotel Pullman Kuala Lumpur.

Laman web iSelamat.my merupakan laman web rasmi yang memaparkan info jenayah bagi balai polis di kawasan kejiranan dan sekitar komuniti dalam bentuk peta (*crime mapping*). Laman web ini direka bentuk bagi memudahkan orang ramai mendapatkan maklumat jenayah dengan mudah dan pantas.

Laman web ini merupakan salah satu modul dalam Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS) di bawah Program Bandar Selamat: NKRA Mengurangkan Jenayah yang dibangunkan secara bersama oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Semasa pembangunan laman web ini, pandangan, maklum balas dan persetujuan orang awam dari Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP), persatuan penduduk (RA), Rukun Tetangga (RT), Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan 14 pihak berkuasa tempatan (PBT) juga diambil kira.

Tujuan laman web ini dibangunkan adalah seperti yang berikut:

- berkongsi maklumat rasmi jenayah dalam sempadan balai polis kepada orang awam;
- memudahkan perhubungan antara komuniti dan pihak berkuasa keselamatan;
- memudahkan perancangan tindakan dan langkah pencegahan awal bagi mengurangkan risiko menjadi mangsa jenayah;
- merapatkan hubungan komuniti dan pihak penguat kuasa keselamatan ;
- memberi kemudahan kepada rakyat untuk mendapatkan maklumat jenayah dengan pantas dan mudah; dan
- meningkatkan persepsi rasa selamat.

14 kawasan PBT yang terlibat dalam projek perintis iSelamat.my

Bil.	PBT
Wilayah Persekutuan	
1.	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
2.	Perbadanan Putrajaya
Selangor	
3.	Majlis Bandaraya Shah Alam
4.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya
5.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya
6.	Majlis Perbandaran Klang
7.	Majlis Perbandaran Selangang
8.	Majlis Perbandaran Subang Jaya
9.	Majlis Perbandaran Kajang
Pulau Pinang	
10.	Majlis Bandaraya Pulau Pinang
11.	Majlis Perbandaran Seberang Perai
Johor	
12.	Majlis Bandaraya Johor Bahru
13.	Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah
14.	Majlis Perbandaran Pasir Gudang



Senarai Maklumat yang terdapat dalam iSelamat.my

Bil.	Senarai Maklumat	Perincian Maklumat
1.	9 jenis jenayah indeks	Jenayah Harta Benda - Pecah rumah dan curi - Curi ragut - Curi motorsikal - Curi motor - Curi van/lori Jenayah Kekerasan - Samun tanpa senjata api - Samun berkawan tanpa senjata api - Samun bersenjata api - Samun berkawan bersenjata api
2.	Maklumat jenayah 3 bulan terkini	Sumber maklumat jenayah yang dipaparkan dalam laman web ini diperolehi dari Sistem Pelaporan Polis dan SPBS. Maklumat jenayah yang dilaporkan adalah lewat satu (1) bulan bagi membolehkan PDRM membuat siasatan lengkap dan berintegriti.
3.	Maklumat perhubungan PDRM	- Nombor telefon kecemasan PDRM - Nombor telefon balai polis dan ibu pejabat daerah IPD
4.	Info dan panduan pencegahan jenayah	- Panduan pencegahan jenayah dan penambahbaikan kawasan kejiranan anda melalui Panduan Pelaksanaan Reka Bentuk Bandar Selamat (<i>Crime Prevention through Environmental Design (CPTED) Implementation Guide</i>) - Tips-tips pencegahan jenayah dari: - Pautan laman <i>Malaysian Crime Prevention Foundation (MCPF)</i> - Pautan laman <i>United Against Crime</i> - Pautan <i>Facebook Safer Malaysia</i> - Pautan <i>Facebook Malaysians Against Rape, Assault and Snatch</i>
5.	Maklumat komuniti anda	Maklumat perhubungan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk, Rukun Tetangga dan persatuan penduduk kawasan komuniti anda

Laman web iSelamat.my ini akan diperluas kepada 10 buah negeri dan 18 buah PBT pada tahun hadapan





TIMBALAN MENTERI SERAH PROJEK TP1M DI KOTA TINGGI

Majlis turun padang dan penyerahan projek siap di bawah program Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) yang dilaksanakan oleh Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT) telah disempurnakan oleh YB Halimah binti Mohamed Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 20 September 2015.

Turut hadir semasa majlis ialah YB Dato' Haji Abd Latif bin Bandi; Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor dan YBhg. En. Fizwan bin Dato' Haji Mohd Rashidi, Yang DiPertua MDKT.

TP1M merupakan satu program di bawah KPKT untuk membantu pihak pengurusan bangunan iaitu Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) rumah berstrata kos rendah swasta dan kos sederhana rendah swasta membaiki pulih kerosakan pada bangunan mereka.

Kerajaan mengambil inisiatif memperkenalkan program TP1M yang mana pelaksanaannya adalah berdasarkan konsep geran sepadan/*matching grant*, dengan kadar 90:10 bagi rumah berstrata kos rendah swasta dan 70:30 bagi rumah berstrata kos sederhana rendah swasta. Pihak kerajaan akan menyumbang sebanyak 90/70 peratus daripada kos projek dan 10/30 peratus akan dibiayai oleh pihak pengurusan perumahan (JMB/MC).

Penyerahan ini melibatkan kawasan perumahan yang telah terpilih untuk pelaksanaan TP1M bagi tahun 2015 di Kota Tinggi iaitu satu (1) pemajuan rumah berstrata kos rendah dan dua (2) pemajuan rumah berstrata kos sederhana rendah swasta di Kota Tinggi, Johor seperti yang berikut:

i. Rumah Pangsa Kos Rendah Taman Sri Saujana

Kerajaan Persekutuan telah meluluskan sebanyak RM875,000.00 bagi kawasan perumahan ini. Skop kerja yang terlibat ialah mengganti bumbung, susur tangan tangga, mengecat semula bangunan dan kerja-kerja umum pembaikan jalan. Kerja-kerja ini merangkumi tiga (3) blok bangunan dan akan memberi kesan positif kepada seramai 900 orang penghuninya.

ii. Rumah Pangsa Kos Sederhana Rendah Taman Sri Saujana

Kerajaan telah meluluskan sebanyak RM358,280.00 untuk kerja mengganti bumbung, mengecat semula bangunan dan kerja-kerja umum pembaikan

jalan yang melibatkan satu (1) blok di rumah pangsa ini. Seramai 340 orang yang mendiami rumah pangsa ini akan mendapat manfaat dari aspek keceriaan dan keselesaan bangunan yang didiami. Nilai hartanah bagi rumah pangsa ini juga akan meningkat selepas perubahan fizikal kerja mengecat semula.

iii. Rumah Pangsa Kos Sederhana Rendah Taman Medan Jaya

Skop kerja yang merangkumi penggantian bumbung dan susur tangan tangga; mengecat semula bangunan dan kerja-kerja umum pembaikan jalan telah dilaksanakan dengan kos yang diluluskan sebanyak RM225,000.00. Seramai 150 orang penghuni rumah pangsa ini akan mendapat manfaat dari inisiatif ini.

Program TP1M di Negeri Johor Tahun 2015

Bagi tahun 2015, KPKT telah meluluskan sebanyak 113 projek di bawah program TP1M dengan nilai sebanyak RM70.8 juta. Daripada 113 projek tersebut, sebanyak 51 projek dengan nilai siling anggaran baik pulih sebanyak RM 35.3 juta telah diluluskan dan sedang dilaksanakan di Negeri Johor. Kerajaan Persekutuan menampung sebanyak RM31.6 juta daripada kos baik pulih tersebut, manakala selebihnya sebanyak RM3.7 juta ditanggung oleh Kerajaan Negeri untuk menampung dana sepadan yang sepatutnya disediakan oleh pemohon. Daripada 51 projek yang diluluskan ini, 48 projek melibatkan rumah berstrata kos rendah manakala tiga (3) projek lagi melibatkan rumah berstrata kos sederhana rendah.

8 Skop Program TP1M

- membalik pulih/mengganti lif;
- membalik pulih/mengganti tangki air dan sistem retikulasi;
- membalik pulih/mengganti paip sanitari;
- membalik pulih/mengganti bumbung;
- membalik pulih/mengganti tangga dan handrail;
- mengecat bangunan;
- pendawaian semula; dan
- membalik pulih kerosakan umum pada kemudahan awam harta bersama



PROGRAM TRANSFORMASI SOSIAL DI RUMAH KINTA HEIGHT DILANCAR

Majlis Pelancaran Program Transformasi Sosial (PTS) di Rumah Pangsa Kinta Height, Ipoh, Perak telah diadakan pada 7 Jun 2015 dan dirasmikan oleh YBrs. Tuan Mohammad Ridzwan bin Abidin, Setiausaha Bahagian, Bahagian Perkhidmatan Perbandaran, KPKT.

Pangsapuri Kiara merupakan salah satu projek baik pulih di bawah di bawah inisiatif NBOS Kejiranan Indah (MyBN) dengan kos sebanyak RM961,420.00. Projek baik pulih ini meliputi cat semula bangunan, baik pulih sistem vaticulasi, lif serta tangki air yang usang.

Dalam usaha Kerajaan memastikan penjagaan berterusan dan menyemai rasa kepunyaan (*sense of belonging*) penduduk ke atas kemudahan awam yang telah dibaik pulih ini, PTS telah dilancarkan di Rumah Pangsa Kinta Height bagi aspek yang berikut:

- Bomba Komuniti;
- Rakan Taman;
- Bandar Selamat; dan
- Kitar Semula.

**TRANSFORMASI
PERKHIDMATAN AWAM** **KPKT**

LATAR BELAKANG

Sejajar dengan Agenda Transformasi Negara untuk menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah diberi mandat untuk menerajui transformasi perkhidmatan awam dan setiap kementerian perlu melaksanakan pelan transformasi masing-masing bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan awam kekal relevan dan memenuhi ekspektasi rakyat.

Pelan Transformasi Perkhidmatan Awam (PTPA) KPKT menggariskan 11 inisiatif yang mana 6 inisiatif (55%) memberi faedah langsung kepada warga KPKT dan 5 inisiatif (45%) akan memberikan faedah kepada rakyat.

Daripada 11 inisiatif tersebut, 3 inisiatif telah dikenal pasti sebagai inisiatif berimpak tinggi yang akan menyumbang pada kesejahteraan penduduk dan alam sekitar.



JOM 3R!

Pengurusan sisa pepejal melalui penerapan 3R iaitu Kurangkan (Reduce), Guna Semula (Reuse) dan Kitar Semula (Recycle) merupakan salah satu teras dalam Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara. Elemen 3R juga merupakan sebahagian daripada Hirarki Sisa Pepejal. Penerapan amalan 3R dalam kalangan masyarakat secara tidak langsung dapat mengurangkan penghasilan sisa pepejal daripada dihantar ke tapak pelupusan.

Kurangkan (Reduce)



Pengurangan bermaksud mengelak daripada membeli barang yang tidak diperlukan atau mencegah/mengurangkan sisa atau pengurangan sumber yang mana penggunaan dan pembuangan barangan dikurangkan. Ini termasuklah dengan membeli barang yang tahan lama dan lasak, membeli barang yang dibungkus daripada bahan bebas toksik dan mereka bentuk produk supaya mengurangkan penggunaan bahan mentah, mempunyai jangka hayat yang panjang atau boleh diguna pakai semula.

Guna Semula (Reuse)



Penggunaan semula produk termasuklah mempelbagaikan penggunaan bahan dalam mengekalkan bentuk asalnya atau sebagai alternatif dengan atau tanpa perubahan. Dalam kebanyakan situasi, bekas-bekas terpakai boleh digunakan semula sebagai pengganti terhadap pembelian produk baharu.

Kitar Semula (Recycle)



Kitar semula bermaksud memungut dan mengasingkan sisa pepejal bagi menghasilkan keluaran. Kitar semula berlaku apabila bahan-bahan diproses dan menghasilkan produk yang sama. Kitar semula mengubah bahan-bahan yang sepatutnya menjadi sisa kepada sumber-sumber yang bernilai. Bahan-bahan seperti kaca, besi, plastik dan kertas dikumpul, diasingkan dan dihantar ke pusat pemprosesan untuk ditukarkan kepada produk atau bahan baharu.

My GREEN THUMB

Menerapkan konsep "Healthy Park Healthy People" dalam pengurusan taman di pihak berkuasa tempatan (PBT). My Green Thumb juga dikenali sebagai Rakan Taman (RT) yang bertindak sebagai sebuah Badan Bukan Kerajaan yang ditadbir oleh satu jawatankuasa bagi sesebuah taman awam, taman kejiranan atau kawasan lapang di kawasan yang dipertanggungjawabkan oleh PBT setempat.

Rakan taman akan mewujudkan sebuah struktur pengurusan dalam kalangan penduduk yang akan melaksanakan kegiatan sampingan seperti menyediakan baja kompos (melalui penyediaan baja kompos oleh penduduk) untuk pokok-pokok hiasan di taman awam.

Selain itu, kesedaran untuk menambatkan taman awam akan menggalakkan tanggungjawab sosial korporat (CSR) dalam menyumbang peralatan taman, benih pokok dan lain-lain.



Peranan Rakan Taman

- ▶ Menganjurkan aktiviti-aktiviti rekreasi dan riadah untuk menyemarakkan fungsi taman
- ▶ Membantu PBT dalam mengurus dan menyelenggara taman melalui aktiviti seperti gotong-royong
- ▶ Membantu PBT dalam aspek keselamatan dan kesejahteraan taman



Peranan Jabatan Landskap Negara

- ▶ Memantau penubuhan dan pelaksanaan aktiviti oleh RT
- ▶ Menjadi penghubung antara RT yang ditubuhkan di seluruh Negara supaya pertubuhan ini mempunyai rangkaian kerjasama dalam perkongsian maklumat dan idea



Peranan PBT

- ▶ Memulakan usaha penubuhan RT
- ▶ Menguruskan majlis pelancaran RT dan aktiviti gotong-royong
- ▶ Memantau pelaksanaan aktiviti RT dengan memberi bantuan yang bersesuaian

1 PARK 4 COMMUNITY



Sejajar dengan perkembangan pesat negara dalam pelbagai sektor, Kerajaan telah membangunkan taman awam untuk menampung keperluan penduduk kawasan bandar dan pinggir bandar. Matlamatnya adalah untuk menjayakan pencapaian kualiti kehidupan yang menyeluruh dengan tumpuan kepada mutu persekitaran kehidupan yang indah, bersih dan selamat.

Penyediaan taman awam juga dapat memberikan ruang yang selesa daripada impak rekreasi dan keindahan alam di sekitar kawasan penduduk setempat, selain memberi peluang kepada penduduk berinteraksi antara satu sama lain yang akan membantu dalam integrasi sosial dan kesejahteraan hidup rakyat.

KPKT melalui JLN telah menetapkan bahawa sehingga Disember 2017 sebanyak 5 buah Taman Awam akan dibangunkan memberi impak tinggi kepada penduduk iaitu:

1. Taman Awam Teluk Likas Fasa 2, Kota Kinabalu, Sabah

Projek ini terletak di kawasan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) berhampiran pusat bandar Kota Kinabalu dan Jalan Tun Fuad Stephen dengan keluasan 23.6 ekar.

Kemudahan taman ini akan menampung keperluan kawasan rekreasi kepada penduduk setempat yang mana komponen yang dicadangkan adalah seperti penanaman landskap lembut, ruang terbuka, laluan pejalan kaki dan basikal, perabot taman, wakaf, plaza, tandas, pembaikan/menaik taraf medan selera sedia ada, pagar, alatan permainan kanak-kanak, dan fitness station.

2. Taman Awam Tasik Temoh, Tapah, Perak

Taman yang terletak dalam kawasan Majlis Daerah Tapah ini bersempadan dengan Jalan Persekutuan 1 (Kuala Lumpur-Ipoh) dan berhadapan dengan Kg. Batu Masjid, Temoh.

Taman dengan keluasan 113 ekar ini akan menyediakan kemudahan rekreasi kepada penduduk setempat yang mana komponen yang dicadangkan adalah seperti viewing deck, reflexology, children playground, gazebo, fitness station, open lawn, multipurpose court, resting point, dataran Temoh, main signage, dan tempat letak kenderaan.

3. Taman Tasik Bandar Tenggara, Johor

Projek dalam kawasan Lembaga Bandar Johor Tenggara ini terletak di Pusat Bandar Johor Tenggara dengan keluasan 25 ekar berkonsepkan eco park.

Kemudahan taman ini akan menampung keperluan kawasan rekreasi kepada penduduk setempat yang melibatkan komponen open lawn, promenade, taman permainan kanak-kanak, fitness station, laluan pejalan kaki dan basikal, tandas, wakaf, multipurpose court, laman tinjau, plaza, perabot taman, dusun komuniti, boardwalk dan tempat letak kenderaan.

4. Taman Awam Tepian Sungai Muar, Tanjung Agas, Muar, Johor

Taman berkeluasan 23 ekar ini merupakan projek di kawasan Majlis Daerah Tangkak terletak di tepian persisiran Sungai Muar, bersebelahan dengan Jalan Kesang yang melalui Jambatan Sultan Ismail untuk ke bandar Muar.

Taman ini akan menyediakan akses rekreasi kepada penduduk setempat yang melibatkan komponen seperti open lawn, promenade, taman permainan kanak-kanak, fitness station, laluan pejalan kaki, tandas, wakaf, plaza, Ledang text dan tempat letak kenderaan.

5. Taman Rekreasi Awam Kota Belud, Sabah

Taman ini terletak dalam kawasan Majlis Daerah Kota Belud di atas Bukit Taman Tun Syed. Taman dengan keluasan 23.6 ekar ini akan memberikan akses kemudahan rekreasi kepada penduduk setempat.

Komponen-komponen yang dicadangkan adalah laluan pejalan kaki, wakaf, alatan permainan kanak-kanak, fitness station, menaiktaraf kemudahan sedia ada dan perabot landskap.



YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan dalam menjawab soalan YB Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan) mengenai cadangan supaya satu tabung khas disediakan untuk Badan Pengurusan Bersama (JMB) terutama bagi rumah kos rendah atau elaun bulanan diberikan kepada ahli JMB agar JMB boleh berfungsi dengan sempurna dan kutip wang penyenggaraan dijalankan setiap bulan, memaklumkan bahawa tanggungjawab untuk memastikan kawasan perumahan terutamanya bagi rumah berstrata adalah merupakan tanggungjawab bersama.

YAB Datuk Abdul Rahman menjelaskan bahawa penduduk mesti bekerjasama dengan JMB dengan membayar yuran yang telah ditetapkan. Di samping itu, Kerajaan Persekutuan melalui KPKT juga membantu melalui Program Penyelenggaraan Perumahan (PPP) dan Program Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M). PPP menyediakan lebih kurang RM40 juta peruntukan untuk membaik pulih perumahan berstrata awam ataupun yang telah dibina oleh Kerajaan, manakala TP1M memperuntukkan dana lebih kurang RM100 juta untuk membaik pulih perumahan berstrata swasta.

PPP dan TP1M ini dilancarkan oleh Kerajaan bagi membantu pihak JMB mengatasi masalah penduduk yang enggan menjelaskan yuran penyenggaraan, namun peruntukan sebanyak RM140 juta masih tidak mencukupi. Sehubungan dengan itu, YB Datuk Abdul Rahman menggesa Ahli Parlimen untuk turun padang membantu Kerajaan dan KPKT memberi penerangan dan kesedaran kepada penduduk di kawasan perumahan mampu milik ataupun rumah kos rendah bagi mengatasi masalah pengurusan kebersihan, kesihatan dan keselamatan penduduk.

YAB Datuk Abdul Rahman juga menegaskan beliau kurang bersetuju dengan saranan YB Tuan Hee Loy Sian untuk memberikan elaun ahli jawatankuasa JMB kerana kawasan perumahan tersebut adalah harta mereka bersama.



“ PPP dan TP1M ini dilancarkan oleh Kerajaan bagi membantu pihak JMB mengatasi masalah penduduk yang enggan menjelaskan yuran penyenggaraan, namun peruntukan sebanyak RM140 juta masih tidak mencukupi ”

YB Datuk Abdul Rahman Dahlan
Dewan Rakyat
15 Jun 2015



“ Sebanyak 1,018 pemaju perumahan yang dikenal pasti terlibat projek perumahan swasta terbengkalai di seluruh negara telah dikenakan tindakan sehingga Mei 2015 ”

YB Datuk Halimah Mohamed Sadique
Dewan Rakyat
15 Jun 2015

Menjawab soalan yang diajukan oleh YB Datuk Kamarul Baharin bin Abbas (Telok Kemang) semasa Dewan Rakyat pada 16 Jun 2015 mengenai langkah yang diambil kerajaan bagi memastikan projek terbengkalai dapat disiapkan dalam masa yang ditetapkan dan jumlah pemaju yang disenarai hitam akibat terlibat dengan projek terbengkalai sehingga tahun 2015, YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique memaklumkan bahawa sebanyak 1,018 pemaju perumahan yang dikenal pasti terlibat projek perumahan swasta terbengkalai di seluruh negara telah dikenakan tindakan sehingga Mei 2015.

Daripada jumlah tersebut sebanyak 3,607 ahli lembaga pengarah turut dikenakan tindakan di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Akta 118). Selain itu, tindakan tersebut juga dikenakan kepada pemaju yang gagal membayar kompaun iaitu sebanyak 337 pemaju, ingkar arahan hukuman tribunal tuntutan pengguna perumahan rakyat (307), projek sakit (131), disabitkan mahkamah dengan denda melebihi RM10,000 (17) dan pemaju tanpa lesen (80). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 146 pemaju telah disenarai hitam selaras dengan Akta 118.

Menjawab soalan yang dibangkitkan oleh YB Dr. Ong Kian Ming (Serdang) mengenai isu *leachate treatment plant* (LTP) di Stesen Pembinaan Sisa Pepejal Taman Beringin, YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan menjelaskan terdapat dua (2) LTP di kawasan tersebut iaitu *transfer station* dan *land field* yang mana kedua-duanya mengeluarkan *leachate*.

YB Datuk Abdul Rahman memaklumkan bahawa *transfer station* berkenaan telah mula beroperasi dengan baik setelah diambil alih oleh operator yang baharu pada 1 April 2015 dan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) akan terus memantau dan mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan stesen berkenaan beroperasi dalam keadaan yang sepatutnya.

Manakala bagi *land field* yang telah ditutup selamat dan tidak digunakan lagi, KPKT sedang mengambil tindakan baik pulih LTP dan bercadang untuk meletakkan *mobile leachate treatment plant*. Proses perolehan sedang dilaksanakan oleh Kementerian dan dijangkakan pelaksanaan kerja-kerja membaik pulih akan dimulakan pada Oktober 2015. Perkara ini telah dibincangkan dengan JPSPN untuk memastikan *leachate* tidak dilepaskan dengan begitu sahaja dan diproses sebelum dibuang ke sungai dan sebagainya.

Selain itu, YB Datuk Abdul Rahman juga menjawab soalan YB Dr. Ong Kian Ming yang membangkitkan mengenai loji-loji insinerator di beberapa lokasi. YB Datuk Abdul Rahman menerangkan bahawa fungsi utama loji-loji insinerator adalah untuk merawat sisa pepejal secara pembakaran pada suhu yang tinggi dan ianya dilengkapi dengan peralatan dan komponen berteknologi tinggi yang memerlukan pengawasan rapi oleh pihak operator. Kementerian sentiasa membuat pemantauan ke atas kualiti pelepasan udara oleh loji insinerator dan pada masa yang sama ianya turut dipantau oleh Jabatan Alam Sekitar mengikut standard-standard yang sedang berkuat kuasa.

Mengenai pertanyaan YB Dr. Ong Kian Ming berkaitan dengan pelantikan perunding bagi mengkaji kelemahan insinerator mini yang telah dibina oleh Kementerian sebelum ini, YB Datuk Abdul Rahman menerangkan bahawa KPKT bersetuju untuk melantik perunding yang berkepakaran dalam bidang-bidang rawatan termal bagi menjalankan kajian dan audit terhadap reka bentuk pembinaan dan pengoperasian loji-loji insinerator. Tindakan ini diambil lanjutan daripada komen dan cadangan penambahbaikan oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara ataupun PAC dan Jabatan Audit Negara terhadap kontrak dan operasi loji-loji insinerator berkenaan.



“ Kementerian sentiasa membuat pemantauan ke atas kualiti pelepasan udara oleh loji insinerator dan pada masa yang sama ianya turut dipantau oleh Jabatan Alam Sekitar mengikut standard-standard yang sedang berkuat kuasa ”

YB Datuk Abdul Rahman Dahlan
Dewan Rakyat
15 Jun 2015



PELAN PBT DI HATI RAKYAT TINGKAT MUTU PERKHIDMATAN, KESEJAHTERAAN DAN KELESTARIAN PERSEKITARAN

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara akan diperkasa dan ditransformasi menerusi Pelan PBT Di Hati Rakyat yang menggariskan enam (6) teras. Pelan yang akan diaplikasi mulai Mei 2015 hingga tahun 2018 ini berobjektif untuk meningkatkan mutu perkhidmatan, kesejahteraan dan kelestarian persekitaran.

Visi

Melahirkan PBT sebagai pemacu kemakmuran, kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat

Misi

Memartabatkan PBT sebagai organisasi berwibawa, cekap dan sentiasa di hati rakyat

Falsafah

Memfokuskan kepada kesejahteraan dan penglibatan rakyat berasaskan urus tadbir terbaik

Kelebihan kepada Negeri

- Tidak menjejaskan kuasa Pihak Berkuasa Negeri (PBN) sepertimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan
- Perkhidmatan PBT mengujakan (*delighting*) masyarakat menjadikan kerajaan mesra rakyat
- Memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan PBT berasaskan prinsip CTH (Cepat, Tepat, Hebat)
- Memastikan perkhidmatan PBT efektif melalui Program Hati Nurani (*winning the hearts and minds*) dan komunikasi berkonsepkan C4E (*communicate, educate, engage, empower and enforce*).
- Menguatkuakan kedudukan kewangan PBT untuk sediakan perkhidmatan terbaik.
- Mengenalpasti dan menyelesaikan masalah melalui Program Jejak Mesra (turun padang).

Kepentingan kepada PBT

- Meningkatkan integriti warga PBT
- Membangunkan modal insan secara optimum
- Memperluas dan mengukuhkan sumber kewangan
- Meningkatkan kecekapan perkhidmatan PBT
- Meningkatkan daya saing PBT
- Mempromosi kawasan PBT sebagai hab pelaburan, kediaman, bekerja dan beriadah

Kepentingan kepada Rakyat

- Kerajaan mendengar suara rakyat
- Rakyat mendapat perkhidmatan terbaik
- Rakyat menikmati kehidupan berkualiti dengan persekitaran kondusif
- Penyediaan kemudahan asas yang lebih selesa
- Meningkatkan kemakmuran ekonomi dan kesejahteraan rakyat

- Mempelbagai dan menggunakan sepenuhnya saluran media
- Melaksanakan kaedah penyampaian maklumat yang kreatif
- Menyesuaikan kaedah perhubungan mengikut kelompok masyarakat
- Memperkasakan pengurusan aduan

4 STRATEGI

- Mendengar suara rakyat
- Perkhidmatan yang menggembirakan rakyat
- Meningkatkan hubungan mesra rakyat
- Rakyat dihargai

4 STRATEGI

- Meningkatkan mutu alam sekitar
- Mewujudkan persekitaran yang selamat dan sejahtera
- Pemuliharaan budaya dan warisan

3 STRATEGI



- Kepimpinan yang membawa perubahan
- Memperkasakan peranan dan tanggungjawab ahli-ahli majlis PBT
- Memperkasakan sumber manusia
- Pembangunan masyarakat peradaban

4 STRATEGI

- Memperkasakan imej korporat
- Meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan
- Memperkasakan budaya dan tadbir urus kerja
- Menerajui kepimpinan bandar
- Memperkasakan hubungan antara agensi

5 STRATEGI

- Mempertingkatkan sumber kewangan
- Melaksanakan sepenuhnya punca hasil sedia ada
- Menambahbaik sistem pengurusan kewangan sedia ada dengan prosedur yang lebih cekap, berkesan dan berintegriti

3 STRATEGI

PERJUMPAAN KETUA SETIAUSAHA NEGARA BERSAMA DATUK BANDAR DAN YANG DIPERTUA PIHAK BERKUASA TEMPATAN



YBhg. Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara telah mengadakan perjumpaan dengan Datuk Bandar dan Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada 11 Ogos 2015 di Hotel Pullman, Putrajaya. Majlis yang dianjurkan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), KPKT ini turut dihadiri oleh YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi bin Zainal (Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam), YBhg. Datuk Haji Mohammad bin Mentek (Ketua Setiausaha, KPKT) dan YBrs. Dr. Ab. Rahman bin Awang (Ketua Pengarah, JKT).

Tujuan perjumpaan ini adalah untuk memaklumkan aspirasi Kerajaan terhadap PBT dalam menyediakan sistem penyampaian perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Dalam ucapannya ketika majlis, YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara telah menyentuh beberapa perkara penting yang perlu difokuskan oleh PBT, antaranya ialah:

a. Rancangan Malaysia Ke-11

Meningkatkan penyampaian perkhidmatan dengan mengutamakan rakyat dan memanfaatkan PBT bagi menyediakan perkhidmatan berkualiti di peringkat tempatan.

b. Meningkatkan Daya Saing Negara

Usaha penambahbaikan PBT untuk mencapai sasaran meletakkan Malaysia dalam kelompok 10 negara terbaik dalam aspek *ease of doing business* menjelang tahun 2020.

c. Pelaksanaan Projek Pembangunan

PBT perlu menepati spesifikasi dan tempoh masa yang ditetapkan dalam melaksanakan projek yang telah dirancang.

d. Kerjasama PBT dalam Penyediaan Rumah Mampu Milik

PBT disaran untuk menyegerakan kelulusan dan pengeluaran arahan pembangunan (*development order*) bagi projek-projek PR1MA Malaysia (PR1MA) dan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M).

e. Kesihatan dan Kebersihan Awam

Semua PBT diminta untuk mengambil tindakan bagi melaksanakan pelan tindakan pencegahan kawalan denggi untuk mengatasi masalah pembiakan aedes dari terus berleluasa.



SAMBUTAN ULANG TAHUN SWCORP KE 7 DAN KONVENSYEN BANDAR BERSIH

YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah merasmikan Majlis Sambutan Ulang Tahun SWCorp ke-7 dan Konvensyen Bandar Bersih pada 1 Jun 2015 bertempat di Seremban.

SWCorp kini sedang giat melaksanakan program kesedaran orang ramai tentang pengasingan sisa pepejal selain memberi peringatan mesra melalui risalah.

Majlis ini dianjurkan bagi merai pencapaian inisiatif inisiatif yang telah dilaksanakan oleh SWCorp sepanjang tempoh tujuh (7) tahun dan seterusnya meletakkan SWCorp sebagai sebuah organisasi yang relevan untuk memacu pembudayaan amalan kebersihan melalui pelbagai pendekatan yang strategik dalam aspek pengurusan sisa pepejal dan



pembersihan awam ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bersih, indah dan sejahtera.

Di samping itu, Konvensyen Bandar Bersih yang juga diadakan bertujuan untuk berkongsi maklumat dan bertukar-tukar pandangan berkaitan Program Bandar Bersih yang sedang giat dilaksanakan.



PROGRAM PENDIDIKAN DAN KOMUNITI HIJAU DI PPR COCHRANE PERKASA

YBhg. Datuk Haji Mohammad bin Mentek telah merasmikan Program Pendidikan Asingkan Sisa Pepejal di Sumber dan Komuniti Hijau PPR Cochrane Perkasa yang dianjurkan oleh Alam Flora Sdn. Bhd. pada 30 Ogos 2015.

Yang turut sama semasa program ini ialah YBrs. Tuan Haji Mohd Zain bin Hassan (Ketua Pegawai Eksekutif Alam Flora), YBrs. Puan Nor Inchun binti Mohamed Salleh (Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)) dan YBrs. Tuan Mohd Rosli bin Haji Abdullah (Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara).

Antara aktiviti yang telah dijalankan ialah taklimat dan demonstrasi pengasingan sisa pepejal di sumber; program pembudayaan 3R; gotong-royong; komuniti 3R dan pertandingan mewarna untuk kanak-kanak.



KETUA SETIAUSAHA DAN TIMBALAN LAWAT STESYEN PEMINDAHAN TAMAN BERINGIN

YBhg. Datuk Haji Mohammad bin Mentek (Ketua Setiausaha, KPKT) bersama-sama dengan YBhg. Dato' Dr. Tam Weng Wah (Timbalan Ketua Setiausaha [Dasar Dan Pembangunan], KPKT) dan pegawai Kanan KPKT, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), dan SWCorp telah mengadakan lawatan turun padang ke Stesyen Pemindahan Sisa Pepejal, Taman Beringin, Kepong, Kuala Lumpur pada 25 Jun 2015.

Lawatan ini diadakan bertujuan untuk meninjau pengoperasian stesyen berkenaan dan bertukar-tukar fikiran dengan pihak syarikat untuk penambahbaikan pengurusan sisa pepejal yang lebih baik dan promosi program 3R.

Rombongan KPKT disambut mesra oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zain Hassan, Ketua Pegawai Eksekutif, Alam Flora. Taklimat ringkas mengenai latar belakang dan pengoperasian stesyen pemindahan ini telah disampaikan dan rombongan KPKT dibawa meninjau operasi stesyen, pusat kitar semula Alam Flora di stesyen ini, dan lori yang diubahsuai khas untuk program 3R.



TAHUKAH ANDA?

Program Bandar Bersih adalah inisiatif SWCorp untuk menjadikan 53 buah bandar di bawah seliaan SWCorp sebagai bandar yang bersih, seterusnya merealisasikan visi Malaysia untuk tersenarai dalam kelompok antara 10 negara terbersih di dunia.

Pada peringkat awal tumpuan program bandar bersih ini adalah meliputi persekitaran kawasan bandar sentiasa bersih dari segi fizikal, kepuasan masyarakat di kawasan bandar mengenai tahap kebersihan adalah optimum, rasa tanggungjawab yang tinggi di kalangan masyarakat untuk bersama-sama menjaga kebersihan bandar, amalan 3R yang meningkat dan sifar littering di kawasan persekitaran.



'MATA HATI WALK' BERSAMA KOMUNITI TTDI

Sesi *engagement* 'Mata Hati Walk' SWCorp bersama komuniti Taman Perumahan Dr Ismail (TTDI), Kuala Lumpur diadakan dengan sokongan dan penglibatan masyarakat secara aktif dalam pelaksanaan pengasingan sisa pepejal di rumah bermula 1 September 2015.

Sesi *engagement* ini telah diadakan pada 15 Ogos 2015 bertempat di Taman Lembah Kiara, TTDI dan dirasmikan oleh YBhg. Datuk Ab Rahim bin Md Noor, Ketua Pegawai Eksekutif, SWCorp.

Antara aktiviti yang telah dijalankan ialah taklimat dan demonstrasi pengasingan sisa pepejal di sumber; program pembudayaan 3R; gotong-royong; taman bersih; komuniti 3R; penyampaian watak kepada persatuan penduduk; pameran barangan kitar semula dan cabutan bertuah.



PROGRAM PEMBUDAYAAN LANDSKAP

Program Pembudayaan Landskap dilaksanakan berasaskan Dasar Landskap Negara melalui Teras Pertama: Membudayakan Kecintaan Terhadap Landskap. Strategi yang diterapkan oleh Jabatan Landskap Negara (JLN) adalah melalui kaedah mendidik dan memupuk kesedaran masyarakat untuk menghargai landskap. Antara aktiviti yang dilaksanakan semasa program ini ialah:

- Demonstrasi penanaman pokok;
- Demonstrasi pembinaan projek landskap;
- Pameran Jabatan Landskap Negara;
- Ceramah Landskap; dan
- Penanaman pokok oleh warga IPT/kolej/sekolah/komuniti setempat.

Berikut adalah antara beberapa Program Pembudayaan Landskap yang telah dijalankan oleh JPN di sekolah dan kolej vokasional.



Tempat: Sekolah Tunas Bakti, Sg. Besi, Kuala Lumpur
Tarikh: 16 Jun 2015



Tempat: Kolej Vokasional Dato' Maharajalela, Rembau, Negeri Sembilan
Tarikh: 16 Jun 2015



Tempat: Kolej Vokasional Teluk Intan, Perak
Tarikh: 22 Jun 2015



KIARA TRAIL RUN 2015

Kiara Trail Run 2015 telah berlangsung pada 6 Jun 2015 di Taman Persekutuan Bukit Kiara melibatkan 800 penyertaan daripada pelbagai peringkat umur. Larian yang bermula dari Taman Lembah Kiara meliputi laluan denai sepanjang 12km di Zon Arboretum Taman Persekutuan Bukit Kiara. Program ini dianjurkan oleh Gravity Event dan mendapat sokongan daripada JLN.



TINJAU TAMAN AWAM



RM4 juta diperuntukkan oleh KPKT melalui JLN untuk membangunkan Taman Awam Bukit Lagi, Kangar, Perlis. Taman yang lengkap dengan kemudahan riadah ini menjadi tarikan baharu kepada pengunjung. Taman seluas 4.5 hektar ini menyediakan satu kawasan riadah yang lebih menyeluruh. Pembangunan taman ini berkonsepkan *eco-sustainable park* yang menekankan kepada pengkalan keindahan alam semula jadi.

Taman Awam Bukit Lagi istimewa kerana merupakan satu-satunya taman awam yang dibangunkan di kawasan paya berhampiran kaki bukit batu kapur. Keindahan semula bukit batu kapur telah diintegrasikan dalam pembangunan taman awam ini, dan pengunjung dapat menikmati kemudahan rekreasi, di samping mempelajari kelebihan dan keunikan karektor bukit batu kapur ini.



SAMBUTAN HARI MALAYSIA 2015 DIRAI DENGAN PENUH SEMANGAT PATRIOTIK



Sambutan Hari Malaysia pada 16 September 2015 di Padang Merdeka, Sabah telah berlangsung dengan penuh meriah, berwarna-warni dan dengan semangat patriotik apabila rakyat daripada pelbagai kaum hadir menyaksikan upacara bersejarah ini.



Majlis dihadiri oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Najib bin Tun Razak dan isteri, Datin Paduka Seri Rosmah binti Mansor bersama Timbalan Perdana Menteri, YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi serta Ketua Menteri Sabah, YAB Datuk Seri Panglima Musa bin Haji Aman dan isteri, Datin Seri Panglima Hajah Faridah binti Haji Tussin.

Hadir sama pada majlis ialah YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan (Menteri Kesejahteraan Bandar,

Perumahan dan Kerajaan Tempatan), YB Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak (Menteri Komunikasi dan Multimedia), Datuk Amar Mohamad Asfia Awang Nassar (Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak) yang juga wakil Ketua Menteri Sarawak, Timbalan-timbalan Ketua Menteri Sabah serta barisan Menteri-menteri Kabinet Persekutuan dan Negeri.

Acara sambutan dimulakan sejeorus ketibaan Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tun Datuk Seri Panglima Haji Juhar Haji Mahiruddin dan isteri, Toh Puan Datin Seri Panglima Hajah Norlidah binti Datuk R.M. Jasni, dengan nyanyian Lagu Negaraku diikuti lagu negeri Sabah Tanahairku serta tarian kebudayaan pelbagai kaum etnik di Malaysia.



Antara pengisian dan aktiviti yang berlangsung semasa majlis sambutan kali ini ialah:

- bertafakur selama seminit bagi menghormati sambutan Hari Malaysia;
- Ucapan alu-aluan oleh YAB Ketua Menteri Sabah;
- Ucapan Hari Malaysia oleh YAB Perdana Menteri;
- acara menandatangani Buku Catatan sempena Hari Malaysia 2015;
- acara memotong kek oleh Yang di-Pertua Negeri Sabah bersama YAB Perdana Menteri;
- penyerahan Jalur Gemilang oleh YBhg. Datuk main Ajirul, Pengarah Penerangan Sabah kepada YAB Perdana Menteri untuk dipasang di tiang bendera dan dinaikkan oleh sekumpulan pegawai dari Tentera Laut Diraja Malaysia; dan
- pertunjukan bunga api.



MENTERI TURUN PADANG TINJAU MASALAH BEKALAN AIR DI KOTA BELUD, SABAH 16 September 2015



RAMAH MESRA BERSAMA RAKYAT: TIMBALAN MENTERI KE PULAU MANTANANI, SABAH 6 September 2015



"Pulau Mantanani, Kota Belud dalam kawasan YB Menteri saya adalah sebuah pulau yang sangat indah, cantik dan bersih. Penduduknya amat mesra. YB Menteri mempunyai perancangan besar untuk bangunkan pulau ini tanpa menjejaskan keindahan aslinya. KPKJ akan membina 100 unit PPR di Pulau Mantanani bermula pada awal 2016 dan di jangka siap sebelum 2018. Dan semoga segala perancangan pembangunan untuk penduduk Kampung Pulau Mantanani ini akan membawa perubahan besar kepada masa depan dan kualiti hidup yang lebih baik."

DATUK HALIMAH MOHAMED SADIQUE
6 September 2015

LAWATAN KERJA KETUA SETIAUSAHA KE PPR SELAGON BEAUFORT DAN PPR MERUNTUM, PUTATAN, SABAH 21 September 2015



LAWATAN KERJA TIMBALAN MENTERI KE KOTA KINABALU, SABAH 17 dan 18 September 2015

- Meninjau tapak tempat letak kenderaan berhadapan dengan Klinik Luyang, Kota Kinabalu yang telah siap dibina. Cadangan untuk menaik taraf padang permainan kanak-kanak dan tapak rekreasi;
- Meninjau Projek Membina Penahan Gabion dan Dinding di Taman Elok;
- Meninjau Projek Membina Gabion dan Pemparitan di Belakang Lorong Dewan (Berhampiran Balai Polis) Kota Kinabalu; dan
- Mesyuarat Cadangan Pembinaan Tempat Letak Kereta Bertingkat di Foh Sang bersama-sama dengan YBhg. Datuk Yeo Boon Hai, Ketua Pengarah DBKK.



KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS YANG DI-PERTUA NEGERI SABAH

Pada 18 September 2015, YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan dan isteri, Datin Norazlina Awang Had bersama-sama dengan YBhg. Datuk Haji Mohammad bin Mantek telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tun Datuk Seri Panglima Haji Juhar Haji Mahiruddin dan isteri, Toh Puan Datin Seri Panglima Hajah Norlidah binti Datuk R.M. Jasni. Pelbagai perkara dibincangkan bersama, antaranya peranan dan tugas KPKT di Sabah serta hubungan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Sumbangan dan perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat di negeri Sabah juga turut dibincangkan.



KETUA SETIAUSAHA DAN TIMBALAN LAWAT PPR KG. TOK SUBUH

Rombongan KPKT yang diketuai oleh YBhg. Datuk Haji Mohammad bin Mentek, Ketua Setiausaha, KPKT bersama-sama dengan YBrs. Puan Nor Inchun binti Mohamed Salleh, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), KPKT telah mengadakan lawatan turun padang ke Projek PPR Kg. Tok Subuh, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang pada 3 September 2015. Tujuan lawatan ini adalah bagi meninjau perjalanan projek berkenaan. PPR Kg. Tok Subuh ini merupakan projek di bawah Rancangan Malaysia ke-10 yang sedang dibina oleh KPKT melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN). Projek yang dibina dengan kos RM29.47 juta ini akan menyediakan 231 unit Rumah teras dengan kemudahan asas. Permohonan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan bagi pembinaan projek ini telah diluluskan dengan syarat oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pada 9 Februari 2015. Projek ini telah dimulakan pembinaannya pada tahun 2015 dan dijangka disiapkan pada tahun 2017. Selepas lawatan ke tapak Projek PPR Kg. Tok Subuh, pihak KPKT dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah mengadakan satu sesi perbincangan mengenai projek-projek KPKT dalam kawasan MPSP. Pihak KPKT juga turut dibawa melawat Galeri MPSP.

TERMINAL PENGANGKUTAN UNTUK PENDUDUK KOTA BELUD



Terminal Pengangkutan Kota Belud yang baharu akan mula dibina oleh KPKT pada awal tahun depan. Tujuan terminal ini dibina adalah untuk mengumpulkan semua kenderaan pengangkutan awam di sini agar ruang letak kereta dan laluan jalan dalam bandar dapat digunakan dengan selesa oleh penduduk Kota Belud. Selain itu, Pejabat Majlis Daerah juga akan dipindahkan ke terminal ini.



Sempena bulan Ramadhan al-Mubarak dan Syawal, YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan pihak pengurusan tertinggi dan pegawai kanan KPKT telah mengadakan pelbagai aktiviti untuk mengeratkan silaturahmi sesama warga KPKT dan menyemarakkan sambutan bulan puasa dan Hari Raya Aidilfitri

1 Julai 2015
Singgah Sahur YB Menteri ke
Balai Bomba Hartamas



3 Julai 2015
Majlis Berbuka Puasa Kedua
Setiausaha bersama-sama dengan
PBT Negeri Perak



8 Julai 2015
Majlis Berbuka Puasa YB Menteri
bersama-sama dengan Warga
KPKT dan Anak-anak Yatim



9 Julai 2015
Program Agihan Bubur Lambuk
kepada warga KPKT Anjuran
Badan Kebajikan dan
Sukan KPKT (KESKEP)



3 Ogos 2015
Sambutan Hari Raya Aidilfitri Jabatan
Bomba dan Penyelamat Malaysia
(JBPM) Peringkat Negeri Sabah



4 Ogos 2015
Sambutan Hari Raya
Aidilfitri JBPM



5 Ogos 2015
Sambutan Hari Raya
Aidilfitri KPKT



11 Ogos 2015
Sambutan Hari Raya Jabatan
Perancangan Bandar dan Desa
Semananjung Malaysia





KELESTARIAN AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI 5-S HIJAU KPKT 2015

KPKT meneruskan pelaksanaan Amalan Persekitaran Berkualiti 5-S Hijau bagi tahun 2015 setelah mendapat pensijilan tersebut pada 22 Ogos 2014. Pelaksanaan 5-S Hijau pada tahun ini lebih memberi fokus kepada kelestarian dalam meningkatkan kualiti dalam persekitaran kerja selain mengutamakan persekitaran kerja yang mesra alam sekitar. Berikut adalah jadual aktiviti berkaitan Amalan Persekitaran Berkualiti 5-S Hijau yang telah diadakan:

Bil.	Tarikh	Aktiviti dan Perincian
1.	13 Mei 2015	Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana 5-S Hijau 2015 Bil. 1/2015
2.	18 - 21 Mei 2015	Kursus 5-S Hijau (Black Belt) kepada semua wakil bahagian dan unit serta auditor dalaman 5-S Hijau KPKT yang dibimbing oleh Yang Berusaha Dr. Haji Abdul Ghani bin Mohd Hashim dari SIRIM Training Services Sdn. Bhd.
3.	19 Mei 2015	Lawatan Pelaksanaan 5-S Hijau di Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)
4.	21 Mei 2015	Lawatan Pelaksanaan 5S di Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT)
5.	22 Mei - 2 Jun 2015	Pembersihan ruang pejabat dan gotong-royong di setiap bahagian dan unit yang terlibat
6.	23 Jun 2015	Sesi penilaian Audit Dalaman 5-S Hijau Hasil daripada audit dalaman tersebut, bahagian dan unit terlibat melaksanakan langkah-langkah penambakan sebelum sesi Audit 5-S Hijau oleh pihak SIRIM diadakan
7.	29 Jun 2015	Mesyuarat Pembukaan Audit Pengawasan Pensijilan 5-S Hijau oleh pihak SIRIM dipengerusikan oleh Encik Mohamad Khir bin Mat Lazim, Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) selaku wakil pihak pengurusan tertinggi KPKT
8.	29 - 30 Jun 2015	Sesi Audit Pengawasan Pensijilan 5-S Hijau oleh Puan Nurul Fazara binti Ab Rashid dan Puan Nurul Izza Jay binti Jalani, Juruaudit SIRIM Training Services Sdn. Bhd.
9.	30 Jun 2015	Mesyuarat Penutup Audit Pengawasan Pensijilan 5-S Hijau oleh pihak SIRIM dipengerusikan oleh Encik Mohamad Khir bin Mat Lazim



Pengamalan Persekitaran Berkualiti 5-S Hijau adalah bertujuan meningkatkan kualiti dalam persekitaran kerja di samping turut mengutamakan persekitaran kerja yang mesra alam sekitar. Dengan pengamalan sistem ini, warga Kementerian ini bukan sahaja dapat bekerja dalam suasana persekitaran kerja yang bersih dan teratur, malah turut membantu mengurangkan pembaziran di samping menjaga keharmonian alam sekitar. Semoga amalan 5-S Hijau diteruskan lagi di Kementerian ini dan kecemerlangan yang diraih berjaya dikekalkan pada masa hadapan.



TAKLIMAT KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) KPKT 2015

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) KPKT 2015 akan berlangsung pada 19 hingga 21 Oktober 2015. Sehubungan itu, bagi tujuan menyampaikan maklumat dan melancarkan pelaksanaan Konvensyen KIK, satu sesi taklimat telah diadakan di Bilik Teratai, KPKT pada 24 Ogos 2015. Sebanyak 20 kumpulan di bawah tiga (3) kategori pertandingan yang telah memenuhi kriteria terpilih ke sesi taklimat ini seperti yang berikut:

Bil.	Kategori	Bilangan Kumpulan
1.	Pengurusan	7
2.	Teknikal	8
3.	Hibrid	5



Bersempena dengan Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) 2015, KPKT akan menganjurkan pelbagai program bagi menyemarakkan sambutan di peringkat Kementerian dalam usaha membantu membudayakan penggunaan Bahasa Melayu yang betul dalam kalangan warga KPKT. Antara program-program yang telah dirancang sepanjang bulan September hingga November 2015 ialah:

- Pertandingan Papan Iklan Luar Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pengusaha Papan Iklan Luar Swasta;
- Kempen Kesedaran: "Betulkan yang Biasa, Biasakan yang Betul";
- Pertandingan Berbalas Pantun;
- Pertandingan Pidato;
- Pertandingan Menulis Esei;
- Pertandingan Debat Piala Ketua Setiausaha;
- Pertandingan Deklamasi Sajak;
- Kursus Pembinaan Munsyi Muda Bahasa; dan
- Majlis Penutup Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan 2015 peringkat KPKT.



OPS RAYA TAHUN 2015

Majlis Pelancaran Ops Raya Tahun 2015 telah diadakan pada 10 Julai 2015 di IOI Mall Puchong, Selangor dan disempurnakan oleh YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Majlis turut dihadiri oleh YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique (Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan), YBhg. Datuk Haji Mohammad bin Mentek (Ketua Setiausaha, KPKT), YAS Datuk Wira Haji Wan Mohd Nor bin Haji Ibrahim (Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia), YAS Dato' Soiman bin Jahid, (Timbalan Ketua Pengarah [Operasi]), YAS Dato' Haji Amer bin Haji Yusof, (Timbalan Ketua Pengarah [Pembangunan]), Penolong-Penolong Ketua Pengarah, Pengarah-Pengarah Bomba Negeri serta pegawai-pegawai kanan KPKT dan JBPM.

Antara program yang dijalankan semasa majlis pelancaran ini ialah Pameran Keselamatan Kebakaran, Pertandingan Mewarna, Tayangan Video Ops Raya, Pemeriksaan Bangunan, Penyampaian Sijil Perakuan Bomba, Pelancaran Bahan Kempen Keselamatan, Demontrasi Penyelamatan Kemalangan Jalan Raya (RTA) dan pelepasan Pasukan Ops Raya.



Bagi Ops Raya kali ini, JBPM melaksanakan dua (2) strategi dalam menangani kejadian ketika musim perayaan yang dijalankan selama dua (2) minggu selepas pelancarannya, seperti yang berikut:

- melibatkan pemeriksaan keselamatan premis bagi pencegahan dan penghapusan bahaya kebakaran di tempat tumpuan ramai termasuk pusat beli belah dan pusat hiburan awam; dan
- menumpukan operasi pemadaman dan penyelamatan bagi memastikan operasi itu dapat dilaksanakan dengan cepat dan berkesan

Seramai 277 buah balai bomba akan terlibat dalam Ops Raya 2015 bagi operasi pemadaman dan penyelamatan. Di samping itu, rondaan anggota di jalan persekutuan, jalan bandar dan jalan-jalan lain di sepanjang tempoh operasi ini juga turut dipertingkatkan.

Inisiatif ini dilakukan oleh JBPM sebagai salah satu usaha menyelamatkan harta awam dan menjaga keselamatan orang ramai, dan meningkatkan kesedaran masyarakat bagi mengelakkan kecelakaan berlaku.



PERASMIAN IBU PEJABAT JBPM PULAU PINANG

YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman bin Dahlan telah merasmikan Ibu Pejabat JBPM Pulau Pinang pada 3 September 2015.

Bangunan ibu pejabat ini mula dibina pada 11 Januari 2011 dan siap sepenuhnya pada 30 Mac 2014 dengan kos keseluruhan RM17 juta.

Bangunan baharu Ibu Pejabat JBPM Negeri Pulau Pinang ini dibina bagi menggantikan bangunan lama, Balai Bomba dan Penyelamat Perai.

Majlis perasmian tersebut turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Haji Mohammad bin Mentek (Ketua Setiausaha, KPKT), YAS Datuk Wira Haji Wan Mohd Nor bin Haji Ibrahim (Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia) dan pegawai-pegawai kanan KPKT dan JBPM.

Dengan adanya Ibu Pejabat JBPM Negeri Pulau Pinang ini, kepesatan pembangunan ekonomi dan pelbagai aktiviti di negeri ini akan lebih terjamin dari aspek keselamatan kebakaran, sejajar dengan hasrat JBPM yang sentiasa berusaha mempertingkatkan lagi tahap perlindungan kebakaran kepada masyarakat.



ANGGOTA BOMBA MAUT AKIBAT RENJATAN ELEKTRIK DINAikkan PANGKAT

Keluarga mendiang Apolos Jeremos, anggota bomba yang maut ketika bertugas pada 20 Julai 2015 menerima insurans dan sumbangan kebajikan JBPM bernilai RM163,000.00. Mendiang Apolos yang bertugas di Balai Bomba dan Penyelamat Sandakan maut terkena renjatan elektrik daripada pendawaian haram oleh penempatan setingan ketika memadamkan kebakaran belukar di Taman Kenari, Batu 7 di Sandakan.

YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, menyerahkan sumbangan dan kad pencen kepada ahli keluarga mendiang iaitu Puan Laurindah Seimin pada Majlis Jalinan Mesra dan Sambutan Aidilfitri JBPM Sabah yang diadakan di Kuarters Bomba Kota Kinabalu pada 3 Ogos 2015. YB Menteri berharap sumbangan itu dapat membantu meringankan beban keluarga mendiang.

Sebagai tanda penghormatan KPKT yang mewakili Kerajaan Malaysia kepada mendiang Apolos yang mempertaruhkan nyawa ketika bertugas demi memberi khidmat terbaik kepada masyarakat, Kementerian telah membuat keputusan untuk menaikkan pangkat mendiang daripada gred KB17 kepada KB22 iaitu anggota bomba senior. Di samping itu, mendiang juga dianugerahkan Pingat Jasa Bomba dan majlis kenaikan pangkat dan penyampaian anugerah itu akan diadakan kelak.



TIMBALAN PERDANA MENTERI LAWAT MANGSA GEMPA BUMI DI SABAH

Gempa bumi sederhana bermagnitud 5.9 pada skala Richter telah berlaku di Ranau, Sabah pada 5 Jun 2015, pukul 7.15 pagi. Pusat gempa bumi terletak di 61.1° Utara dan 116.6° Timur, 16km Barat Laut dari Ranau, Sabah dan gegaran dapat dirasai di Ranau, Tambunan, Pedalaman, Tuaran, Kota Kinabalu dan Kota Belud, Sabah.

Sehubungan dengan itu, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri telah turun padang melawat kawasan yang terjejas akibat gempa bumi di Ranau dan Kundasang, Sabah pada 7 Jun 2015. Turut serta ialah YAB Datuk Seri Panglima Musa bin Haji Aman, (Ketua Menteri), YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan, serta barisan Kabinet di peringkat Persekutuan dan Negeri Sabah.

YAB Timbalan Perdana Menteri tiba pada pukul 10 pagi di Kota Kinabalu dan terus ke Ranau untuk meninjau kerosakan dan mangsa-mangsa bencana tersebut. Beliau kemudian diberi taklimat mengenai perkembangan operasi mencari dan menyelamatkan di Taman Kinabalu, Kundasang.

Maklumat Persediaan Bencana Gempa Bumi dalam Program Pendidikan Awam JBPM

Susulan daripada gempa bumi di Gunung Kinabalu, Sabah, YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan mengarahkan JBPM untuk memasukkan maklumat persediaan menghadapi bencana gempa bumi dan cara-cara untuk menyelamatkan diri semasa dan selepas gempa bumi berlaku ke dalam program pendidikan awam Jabatan.

JBPM akan memberi latihan menyelamatkan kepada semua malim gunung yang beroperasi di Gunung Kinabalu kerana mereka merupakan responden awal kepada bencana gempa bumi. JBPM juga akan membekalkan mereka dengan peralatan yang sesuai untuk kerja-kerja menyelamatkan.

Pada masa yang sama, JBPM akan meletakkan peralatan menyelamatkan yang sesuai di atas gunung iaitu di Laban Rata dan di pejabat Taman Sabah di kaki gunung.

Dengan cara ini malim-malim gunung yang mempunyai banyak pengalaman dalam topografi gunung boleh membantu kerja awalan mencari dan menyelamatkan bila ada bencana berlaku.



PELANCARAN PEGAWAI BOMBA BANTUAN MOUNTAIN SEARCH AND RESCUE (MOSAR)

Majlis Pelancaran Pegawai Bomba Bantuan Mountain Search and Rescue (MOSAR) dan Penyampaian Sumbangan serta Majlis Apresiasi Pasukan Penyelamat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Sabah telah diadakan pada 22 Jun 2015 dan dilancarkan oleh YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Berikutan gempa bumi yang berlaku di Ranau, Sabah pada 5 Jun 2015, YB Menteri telah mengarahkan JBPM untuk bekerjasama dengan Persatuan Malim



Gunung dan Taman-taman Sabah untuk mewujudkan pasukan penyelamat yang lebih mantap yang mana 100 malim-malim gunung akan diiktiraf sebagai Ahli Pegawai Bomba Bantuan (PBB).

Kewujudan PBB ini diharap dapat menambahkan lagi keyakinan para pendaki dan pelancong tentang aspek keselamatan di Gunung Kinabalu. Sekaligus ianya memberi imej yang baik bukan sahaja kepada PBB tetapi kepada Taman-Taman Sabah, Negeri Sabah dan Malaysia. Hubungan erat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, PBB dan Taman-Taman Sabah melalui "Smart Partnership" ini perlu diperkasakan demi keselamatan pendaki dan penduduk di sini.

Yang turut hadir semasa majlis tersebut ialah YBhg. Datuk Haji Mohammad bin Mentek (Ketua Setiausaha KPKT), YBrs. Puan Nor Inchun binti Mohamed Salleh



(Timbalan Ketua Setiausaha [Pengurusan], KPKT), YAS Datuk Wira Haji Wan Mohd Nor bin Haji Ibrahim (Ketua Pengarah, JBPM), YS PKPJ Nordin bin Pauzi (Pengarah JBPM Negeri Sabah) dan Pegawai-pegawai Kanan JBPM Negeri Sabah.

